

BAB IV

PERUSAHAAN PERIKANAN SEMASA ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN DAN ZAMAN PENTADBIRAN RESIDEN BRITISH II (1941-1959)

4.1 Pendudukan Jepun

Dasar perluasan kuasa bagi mendapatkan bekalan bahan mentah dalam kalangan negara-negara perindustrian Eropah telah mencetuskan perang dunia II pada tahun 1939. Jerman dibawah Adolf Hitler telah berjaya bangkit menjadi kuasa tentera terkuat dalam perang dunia tersebut melalui kejayaan menakluki beberapa buah kuasa Eropah seperti Poland, Denmark, Norway, Belgium, Belanda dan Perancis secara berturut-turut. Pada masa yang sama, Jerman juga telah memberi ancaman untuk menyerang Great Britain. Penglibatan Great Britain dalam kancang perang dan kekalahan Belanda dan Perancis iaitu kuasa-kuasa yang mempunyai banyak tanah jajahan di Benua Asia telah mendorong Jepun untuk meluaskan kuasa dan menakluki negara-negara Asia di Lautan Pasifik dan Asia Tenggara di bawah dasar yang dinamakan “Wilayah Kemakmuran Bersama Asia Timur Raya”. Untuk merealisasikan usaha ini, Jepun telah menandatangani perjanjian Perikatan Tiga-Pihak (*Tripartite Alliance*) bersama Jerman dan Itali pada 27 September 1940 (Rajendran, 1988: 189).

Setahun selepas perjanjian tersebut, Jepun mula terlibat secara langsung dalam kancang perang apabila angkatan tentera udara Jepun telah mengebom Pearl Harbour, kubu pertahanan angkatan laut Amerika Syarikat di Lautan Pasifik pada 7 Disember 1941. Lapan buah kapal perang Amerika Syarikat termasuk kapal perang *Pennsylvania* dan *Maryland* telah berjaya dimusnahkan (Rajendran, 1988: 192-193). Pada hari berikutnya, angkatan tentera Jepun telah menyerang angkatan laut tentera

British di Kota Bharu, Semenanjung Tanah Melayu dengan menenggelamkan dua buah kapal perang *The Prince of Wales* dan *Repulse* (Storry, 1976: 214; Abu Yazid, 1979: 73; Sabihah *et al*, 1995: 94). Kejayaan ini telah memudahkan angkatan tentera Jepun untuk terus mara menakluki negara-negara di Asia iaitu Hong Kong, Filipina, Tanah Melayu, Singapura, Indonesia dan Kepulauan Borneo.

Pada 16 Disember 1941 seramai lebih kurang 10,000 tentera Jepun di bawah pimpinan Leftenan Jeneral Tawaguchi (Kawaguchi) telah mendarat di daerah Belait pada pukul 3.00 pagi untuk menduduki Brunei (Horton, 1984: 35; Sabihah *et al*, 1995: 95; Muhammad Hadi, 1998: 20; Yus Sabariah, 1991: 75). Pendaratan dimulakan di daerah Belait disebabkan oleh kepentingan dari segi ekonomi dan geografi. Dari segi ekonomi, sumber minyak mentah yang sangat diperlukan oleh tentera Jepun untuk kegunaan peperangan ketika itu terletak di daerah ini. Manakala dari segi geografi, kedudukan daerah ini di tengah-tengah kawasan Asia Tenggara dan menghadap laut China Selatan memudahkan kapal-kapal perang tentera Jepun untuk singgah di sana.

Disebabkan tiada sebarang tentangan langsung daripada pihak kerajaan, tentera Jepun dengan mudah memasuki daerah Belait dan seterusnya menawan balai polis, bangunan kerajaan dan padang minyak di Seria (Turner, 1983: 174; Sabihah *et al*, 1995: 95; Yus Sabariah, 1991: 75; Muhammad Hadi, 1998: 21-22). Selain itu, tindakan awal pihak Jepun menghantar beberapa orang perisik atau pengintip untuk mengkaji dengan mendalam keadaan geografi Brunei juga memudahkan tentera Jepun memasuki daerah tersebut. Tiga orang perisik yang dikenali sebagai *sleeping agent* telah ditempatkan di Brunei iaitu Mr. Suzuki Sang dan Mr. Sato Sang di daerah Belait dan Mr. Mayamoto di kawasan bandar Brunei. Mereka ini telah lama menetap di Brunei

menjalankan perniagaan barang-barang beraneka jenis (Turner, 1983: 179-180; Muhaimin, 2006: 5).

Selepas enam hari mendarat di daerah Belait, Kapten Kayoma bersama lebih 30 orang tentera yang hanya berpakaian awam telah mara ke bandar Brunei melalui daerah Tutong. Sama seperti daerah Belait, mereka juga dengan mudah memasuki bandar Brunei dan seterusnya menawan balai polis bandar Brunei dan bangunan-bangunan kerajaan tanpa mendapat sebarang tentangan dari orang-orang Brunei (Harun, 1965: 36; Yus Sabariah, 1991: 76; Muhammad Hadi, 1998: 23). Setelah berjaya menawan bandar Brunei, Leftenan Jeneral Tawaguchi telah menghadap Sultan Ahmad Tajuddin (Sultan Brunei ke-27) di Istana Mahkota, Kampong Sumbiling. Beliau telah disambut dengan hormat oleh Sultan dan para pembesar yang sekali gus berjaya mendapatkan tandatangan penyerahan kuasa daripada Sultan (Sabihah *et al*, 1995: 95; Zaini, 2003: 39).

Kejayaan mendapatkan tandatangan penyerahan kuasa itu menunjukkan Brunei secara rasmi telah jatuh di bawah pendudukan Jepun. Dengan ini Brunei sekali lagi mengalami perubahan corak pemerintahan daripada pemerintahan Sistem Pentadbiran Residen British kepada pemerintahan tentera Jepun. Dengan perubahan corak pemerintahan dengan sendirinya merubah corak pentadbiran dan dasar pembangunan ekonomi dan sosial di Brunei. Keadaan ini secara tidak langsung juga telah mempengaruhi perkembangan perusahaan perikanan di Brunei pada waktu itu.

4.2 Pentadbiran Tentera Jepun di Brunei

Semasa Brunei di bawah pendudukan Jepun, Brunei telah digabungkan dengan Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak menjadi satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai Borneo Utara atau Kalimantan Utara di bawah kawalan Batalion ke-37 tentera Jepun (Sabihah *et*

al, 1995: 95-96). Pusat pentadbiran Kalimantan Utara terletak di Kuching, kemudian berpindah ke Estate Sapong di Borneo Utara (Sabah) pada tahun 1943 (Reece, 1982: 143; Saunders, 1994: 122; Muhammad Hadi, 1998: 24). Bagi memudahkan pihak Jepun menjalankan pentadbiran, mereka telah melaksanakan sistem pentadbiran bercorak ketenteraan yang dikenali sebagai *Gunseibu* (Ismail Ali, 2004: 140) yang dibahagikan kepada lima bahagian iaitu *Kuching-shu*, *Sibu-shu*, *Miri-shu*, *Seikai-shu* dan *Tokai-shu* (Reece, 1982: 143). Brunei telah diletakkan di bahagian *Miri-shu* yang meliputi lima kawasan (*prefectures*) iaitu Brunei, Baram, Labuan, Lawas dan Limbang (Saunders, 1994: 121-122).

Pentadbiran tentera Jepun yang baru diperkenalkan ini diketuai oleh seorang Gabenor Jepun menggantikan Residen British yang sebelum ini menjadi ketua pentadbiran semasa zaman Pentadbiran Residen British I (Zaini, 2003: 41). Takamura (Samabuchu) adalah Gabenor Jepun yang telah dilantik oleh pentadbiran pusat di Kuching. Beliau dibantu oleh dua orang pegawai yang dikenali sebagai *Kenchichi*. Ini menunjukkan bahawa walaupun kedudukan Sultan dalam pentadbiran tentera Jepun masih kekal seperti biasa tetapi fungsi baginda sebagai pemerintah tertinggi kerajaan Brunei telah diambil oleh Gabenor Jepun. Begitu juga dengan jawatan-jawatan penting yang hampir keseluruhannya di bawah kekuasaan tentera Jepun (Sabihah *et al*, 1995: 96). Walau bagaimanapun, bagi mengambil hati penduduk tempatan agar memberi kerjasama kepada pentadbiran baru tersebut, pihak Jepun telah melantik dan mengekalkan beberapa jawatan kepada penduduk tempatan. Antara jawatan yang dikekalkan dan diberikan kepada anak tempatan ketika itu ialah Ketua Pentadbir, Ketua Polis (percubaan selama enam bulan), Pegawai Daerah dan Ketua Kampung. Bagaimanapun, mereka yang dilantik ini masih di bawah kawalan atau arahan Gabenor Jepun (Yus Sabariah, 1991: 77; Muhammin, 2006: 7-8).

Di samping itu, pentadbiran tenteta Jepun juga dibantu oleh polis-polis tentera Jepun yang dikenali sebagai *Kempeitai*. Tugas utama mereka ialah sebagai perisik Jepun yang sentiasa bergerak ke merata-rata tempat untuk mencari dan menangkap orang yang dianggap anti-Jepun. Untuk memudahkan tugas mereka, beberapa orang penduduk tempatan telah dilantik menjadi ejen atau tali barut kepada mereka. *Kempeitai-kempeitai* Jepun bersama ejen-ejen mereka sangat ditakuti oleh para penduduk tempatan kerana tindakan mereka sering menjatuhkan hukuman atau seksaan yang ganas dan kejam tanpa membuat penyiasatan terperinci terlebih dahulu. Antara kekejaman yang mereka lakukan ketika itu ialah seperti tampar berkali-kali, tendang terajang hingga patah dan luka, sebat hingga pecah kulit, minum air sabun, tarik kuku dari isinya, sepit jari dengan ragum besi hingga pecah berdarah dan pancung kepala (Sabihah *et al*, 1995: 105; Yus Sabariah, 1991: 82; Muhammin, 2006: 11-12; Muhammad Hadi, 1998: 24).

Pentadbiran baru yang dilaksanakan oleh tentera Jepun lebih menitikberatkan kepada soal-soal yang berkaitan dengan ketenteraan dan pertahanan. Hal ini jelas apabila pihak Jepun lebih menumpukan terhadap pembinaan kelengkapan dan kemudahan yang diperlukan dalam peperangan. Sistem perhubungan yang menyeluruh merupakan perkara yang paling diberi perhatian oleh pihak Jepun dalam mentadbir dan mempertahankan Brunei ketika itu. Untuk mewujudkan sistem perhubungan tersebut, pihak Jepun telah menggunakan kekuasaan mereka melalui ketua-ketua kampung untuk mengarahkan penduduk tempatan menjadi buruh paksaan untuk membina landasan kapal terbang di Berakas, tambatan kastam di Muara dan jalan-jalan raya. Pembinaan landasan kapal terbang dan tambatan kastam bertujuan untuk memudahkan kapal terbang dan kapal laut yang membawa bantuan ketenteraan dan bekalan makanan mendarat. Manakala pembinaan jalan raya untuk kegunaan kenderaan tentera seperti jip dan *Land Rover* bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Selain daripada kemudahan perhubungan,

pihak Jepun juga memerlukan bekalan minyak untuk peperangan. Dalam usaha mendapatkan bekalan minyak, pihak Jepun juga memaksa penduduk tempatan untuk memperbaiki paip-paip saluran minyak di Seria yang telah dimusnahkan oleh pihak British (Sabihah *et al*, 1995: 104; Yus Sabariah, 1991: 82).

Dasar pentadbiran tentera Jepun menggunakan penduduk tempatan menjadi buruh paksaan telah menyebabkan ramai penduduk tempatan terutama yang menetap di Kampong Ayer lari ke kawasan pedalaman bagi mengelak menjadi buruh paksa (Yus Sabariah, 1991: 82). Keadaan ini telah menyebabkan pihak Jepun kekurangan tenaga buruh yang boleh dikerah membina kemudahan-kemudahan di atas. Bagi mengatasi masalah ini, pada pertengahan tahun 1943, pihak Jepun telah membawa masuk lebih kurang 1,000 orang buruh-buruh paksa yang sangat lemah dari Jawa, Indonesia. Mereka ini bukan hanya dipaksa menjadi buruh tanpa upah untuk membina kemudahan-kemudahan sistem perhubungan, tetapi juga dipaksa untuk berkebun ubi kayu, keledek dan sayur-sayuran untuk keperluan makanan tentera Jepun (Rosli, 1989/1990: 66; Harun, 1965: 85-86).

Walaupun pihak Jepun telah membawa masuk buruh-buruh dari Jawa, namun kerja-kerja pembinaan kemudahan tersebut tidak dapat disiapkan sepenuhnya sehingga pihak Jepun menyerah kalah. Hal ini disebabkan oleh cara pentadbiran yang dijalankan oleh tentera Jepun sangat lemah dan tidak teratur. Segala perancangan dan pembangunan ekonomi dan sosial yang dilaksanakan oleh pihak Jepun mengalami kegagalan dan tidak mendapat sokongan daripada penduduk tempatan. Ini jelas apabila aktiviti perdagangan dan eksport yang mula meningkat sebelum ini telah terhenti dan taraf kesihatan dan pendidikan berada di tahap rendah. Selain daripada dasar pentadbiran yang lebih menumpukan soal peperangan dan mempertahankan Brunei daripada serangan Tentera

Bersekutu, kepercayaan gabenor dan pegawai-pegawai tinggi Jepun kepada para *Kempeitei* untuk menjalankan jentera pentadbiran juga menjadi punca kepada kegagalan pentadbiran yang mereka jalankan.

“After invasion the Japanese attempted to carry on the former machinery of Government, but there was soon a complete breakdown in the methods of administration and the Japanese rule degenerated into more spoilage enforced by the Army through the medium of the Kempeitai. No attempt was made by the Japanese to carry out or even maintain public works, and their attempt to continue the fiscal system was soon abandoned, and they relied upon such revenue as they could raise by granting gambling licences and monopolies of trade” (Horton, 1984: 37).

“The Japanese policy seems to have been one of neglect. No anti-malaria work was done and no maintenance to houses, roads, ditches or water transport was even contemplated. They seem to have existed as parasite living at the expense of others” (Brunei Annual Report, 1946: 7).

Kegagalan sistem pentadbiran tentera Jepun telah menyebabkan kehidupan harian penduduk Brunei mengalami kesusahan dan kesengsaraan. Bekalan makanan, air bersih dan perubatan sangat sedikit dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk tempatan. Keadaan ini telah menyebabkan ramai penduduk telah mengalami kelaparan dan kebuluran serta wabak penyakit seperti taun, malaria, cirit birit, batuk kering, kudis buta dan kolera telah menular dalam kalangan para penduduk (Sabihah *et al*, 1995: 103; Muhamimin, 2006: 13). Di samping itu, masalah pakaian juga menjadi masalah besar ketika itu disebabkan harga baju yang semakin melambung naik sehingga mencecah \$80.00 ringgit bagi sehelai baju. Masalah pakaian ini jelas tergambar apabila para penduduk terpaksa menggunakan kain langsir dan bekas guni beras atau tepung untuk dijadikan pakaian. Malahan kebanyakan kanak-kanak ketika itu hanya berbogel tanpa pakaian (Harun, 1965: 78; Mail, 2008: Temu bual).

Untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan, pihak Jepun telah menggesa penduduk tempatan untuk mengusahakan aktiviti pertanian seperti penanaman

ubi kayu, ubi manis, keledek, padi, sayur-sayuran dan buah-buahan (Muhammin, 2006: 13-14). Ubi kayu merupakan salah satu tanaman terpenting pada waktu itu kerana ia mudah tumbuh dan dapat dijadikan pelbagai jenis makanan. Oleh itu, ubi kayu telah menjadi makanan utama penduduk Brunei bagi menggantikan beras yang sukar diperoleh pada waktu itu. Aktiviti pertanian ini juga mendapat dorongan daripada Sultan Ahmad Tajuddin sehingga baginda bersama pegawai-pegawai kerajaan ikut serta dalam penanaman ubi kayu dan sayur-sayuran bagi menampung kekurangan bekalan makanan (Sabihah *et al*, 1995: hlm. 97-98). Bagi memastikan hasil pengeluaran pertanian dapat menampung keperluan makanan tentera Jepun, aktiviti pertanian sentiasa dikawal rapi oleh *Kempeitei* dan ejen-ejennya agar hasil pertanian tersebut tidak dijual atau diserahkan kepada pihak lain.

Dasar pentadbiran tentera Jepun yang lebih menitikberatkan soal peperangan dan aktiviti pertanian, menyebabkan perusahaan perikanan pada waktu itu tidak mendapat tempat dalam perancangan dan pembangunan mereka. Ini jelas apabila ramai penduduk yang menetap di Kampong Ayer telah meninggalkan pekerjaan utama mereka sebagai nelayan untuk menjadi buruh dalam sektor pembinaan dan menjadi petani untuk mendapatkan bekalan makanan. Keadaan ini secara tidak langsung telah menjelaskan perkembangan perusahaan perikanan ketika itu. Perusahaan perikanan yang sebelum ini bertujuan untuk memenuhi permintaan tenaga buruh dan pasaran eksport, hanya menjadi satu kegiatan untuk keperluan sara diri dan memenuhi keperluan makanan dan protein tentera Jepun sahaja.

4.3 Ekonomi Brunei Semasa Pendudukan Jepun

Perang Dunia Kedua secara umumnya telah melumpuhkan ekonomi antarabangsa yang sekali gus menjelaskan perkembangan ekonomi kapitalis yang diperkenalkan oleh

pentadbiran Residen British sebelum ini. Dalam keadaan politik yang tidak stabil akibat perang, pentadbiran tentera Jepun juga memperkembangkan pembangunan ekonomi di Brunei. Pentadbiran tentera Jepun terpaksa mengubah polisi pembangunan ekonomi dari sistem ekonomi terbuka di pasaran antarabangsa yang dilaksanakan oleh pentadbiran Residen British I kepada sistem ekonomi tertutup yang lebih mengarah kepada pengeluaran sumber-sumber ekonomi yang boleh diguna dan dimanfaatkan dalam perang. Dengan ini, aktiviti-aktiviti ekonomi kapitalis yang telah diperkenalkan oleh pentadbiran Residen British I sebelum ini telah mengalami kelumpuhan. Dalam usaha mempercepatkan penghasilan sumber-sumber ekonomi pada waktu perang, pentadbiran tentera Jepun telah memperkenalkan sistem ekonomi Jepun yang menggesa penduduk berusaha dengan gigih untuk memajukan kegiatan-kegiatan ekonomi (Sabihah *et al*, 1995: 97). Walau bagaimanapun, hanya sumber-sumber ekonomi yang sedia ada dari zaman sebelum ini sahaja yang dapat diusahakan oleh pihak pentadbiran tentera Jepun seperti aktiviti pertanian, perlombongan dan perusahaan.

Bagi memastikan keperluan bekalan makanan tentera-tentera Jepun dapat diperoleh, pihak Jepun telah memberi perhatian kepada aktiviti pertanian. Namun demikian, hanya tanam-tanaman yang boleh menghasilkan bekalan makanan sahaja yang diberi perhatian oleh pihak Jepun. Penananam getah yang menjadi komoditi eksport semasa pentadbiran Residen British I tidak diberi perhatian kerana tumpuan aktiviti pertanian beralih kepada tanaman makanan. Dalam usaha menghasilkan tanaman makanan tersebut, pihak Jepun telah memaksa penduduk tempatan termasuk juga penduduk Kampong Ayer yang kebanyakannya bekerja atau menyara hidup sebagai nelayan untuk meneroka tanah-tanah baru untuk dijadikan ladang penanaman padi. Di samping itu, pihak Jepun juga menggesa mereka untuk mengusahakan beberapa jenis

tanaman gentian yang boleh mengeluarkan hasil yang cepat seperti yang dijelaskan di atas (Muhamimin, 2006: 13-14).

Disebabkan teknologi pertanian yang digunakan terlalu rendah dan ketiadaan bantuan atau bekalan benih, baja dan sebagainya daripada pihak Jepun telah menyebabkan aktiviti pertanian kurang berjaya (Sabihah *et al*, 1995: 98). Pengeluaran hasil pertanian ketika itu hanya mencukupi untuk memenuhi keperluan mereka yang mengusahakannya sahaja. Ditambah lagi dengan dasar Jepun yang sentiasa mengambil sebahagian besar daripada hasil pertanian untuk keperluan tentera mereka, telah mengakibatkan ramai penduduk tempatan melarikan diri ke kawasan pedalaman untuk mengelak dari menjadi pembekal sumber makanan kepada tentera Jepun. Oleh sebab, hasil-hasil keluaran makanan daripada aktiviti pertanian dimonopoli oleh pihak Jepun, ramai penduduk tempatan telah mengalami kesengsaraan, kelaparan dan kebuluran.

Salah satu aktiviti ekonomi yang boleh diguna dan dimanfaatkan dalam perang ialah perlombongan minyak dari telaga-telaga sedia ada di Seria dan Miri, walaupun sebahagian besarnya telah dimusnahkan. Sebelum pentadbiran Residen British I menyerah kalah kepada Jepun, mereka telah memusnahkan sebahagian besar telaga minyak dan semua peralatan untuk menggerudi dan menapis minyak diantar ke Singapura melalui dasar *Oil Denial Scheme* dan *Oil Destruction Scheme*. Pelaksanaan dasar ini bertujuan agar sumber minyak yang menjadi komoditi eksport utama ketika itu tidak jatuh ke tangan tentera Jepun (Tuner, 1983: 174-176). Walau bagaimanapun, dengan menggunakan ramai tenaga buruh paksa, pihak Jepun berjaya juga memperbaiki dan memulihkan sebahagian daripada telaga dan paip saluran minyak yang telah rosak. Pada sepanjang pendudukan Jepun di Brunei, mereka telah berjaya menghasilkan sebanyak 11,498,000 tong minyak dari telaga-telaga minyak di Seria dan Miri (Harper,

1990: 23). Daripada jumlah tersebut, dianggarkan kira-kira 1,594,000 tan minyak dikeluarkan daripada telaga minyak di Seria (Yus Sabariah, 1991: 81).

Selain daripada aktiviti pertanian dan perlombongan, pihak Jepun juga cuba menjalankan beberapa perusahaan lain seperti perusahaan arang batu dan kraftangan. Perusahaan ini hanya dijalankan secara kecil-kecilan sahaja. Perusahaan arang batu telah diusahakan di Kampong Subuk, manakala perusahaan kraftangan seperti mengayam tikar dan membuat kajang diusahakan oleh kaum wanita. Di samping itu, bagi menggalakkan penduduk tempatan untuk mengeluarkan barang tempatan, pihak Jepun juga memperkenalkan perusahaan mencelup dan memproses kulit binatang yang lazimnya dilakukan oleh masyarakat Jepun. Beberapa jenis barang tempatan seperti kasut, beg tangan dan tali pinggang dapat dihasilkan (Sabihah *et al*, 1995: 98).

Dari penjelasan di atas menunjukkan bahawa pentadbiran tentera Jepun lebih menumpukan kepada sumber-sumber ekonomi daratan, sama seperti yang dilaksanakan oleh pentadbiran Residen British I sebelum ini. Perusahaan perikanan dibiarkan berkembang sendiri tanpa mendapat sebarang galakan atau bantuan daripada pentadbiran tentera Jepun. Penglibatan pentadbiran tentera Jepun dalam perusahaan perikanan hanya tergambar melalui pengawalan hasil-hasil tangkapan yang diperoleh para nelayan. Setiap hasil tangkapan yang didaratkan hendaklah dijual atau diserahkan kepada pihak Jepun bagi keperluan makanan dan sumber protein tentera-tentera mereka. Keadaan ini secara tidak langsung telah menjejaskan perkembangan perusahaan perikanan ketika itu yang sekali gus juga menyebabkan bekalan sumber perikanan semakin berkurangan dan sukar diperoleh.

4.4 Perusahaan Perikanan Semasa Pendudukan Jepun¹

Sama seperti kegiatan-kegiatan ekonomi kapitalis yang diperkenalkan pada tempoh sebelum ini, perusahaan perikanan juga mengalami kelumpuhan akibat dasar pentadbiran tentera Jepun yang lebih mengutamakan kegiatan-kegiatan ekonomi yang boleh dimanfaatkan dalam peperangan sahaja. Tidak seperti aktiviti penanaman makanan yang sangat diberi perhatian oleh pihak Jepun, aktiviti dalam perusahaan perikanan tidak mendapat tempat dalam pembangunan ekonomi mereka. Tiada sebarang rancangan dibuat oleh pihak Jepun untuk memajukan perusahaan perikanan. Pihak Jepun hanya memberi perhatian terhadap hasil tangkapan yang didaratkan oleh nelayan untuk menjadi sumber makanan dan protein tentera-tentera mereka.

Bagi memastikan bekalan sumber perikanan diperoleh, pihak Jepun telah mengawal dengan ketat segala aktiviti perikanan agar hasil tangkapan dijual atau diserahkan kepada mereka. Para nelayan hanya dibenar membawa balik hasil tangkapan untuk keperluan sara diri sahaja. Beberapa orang pegawai Jepun telah dilantik untuk mengawal aktiviti perikanan seperti Takamura yang mengawal di kawasan Muara dan Nagatakutai di kawasan bandar Brunei. Di samping itu, mereka juga melantik beberapa orang penduduk tempatan bagi mengelak hasil tangkapan dijual atau diserah ke tempat lain. Hasil tangkapan yang dijual dibayar dengan harga murah atau ditukar dengan sumber makanan lain seperti beras yang dikuasai oleh pihak Jepun ketika itu (Kassim, 2008: Temu bual; Masri, 2008: Temu bual; Mokti, Sulaiman, Rawana, Asgar dan Zainal, 2008: Temu bual).

Salah satu sumber perikanan yang sangat diperlukan oleh pihak Jepun ketika itu ialah penyu. Mereka menggemari daging penyu bukan sahaja sebagai makanan tetapi

¹ Perbincangan mengenai teknologi penangkapan ikan dan pemasaran hasil perikanan disatukan dalam bahagian ini disebabkan keterbatasan data.

juga dianggap sebagai ubat yang berkhasiat. Bagi mendapatkan bekalan daging penyu, beberapa orang penduduk tempatan telah dikerahkan untuk menangkap penyu di kawasan persisiran pantai (Kassim, 1993: 9). Oleh itu, kaedah tradisi dengan menggunakan tangan yang menjadi kaedah terpenting untuk menangkap penyu pada zaman tradisi telah digunakan semula. Perbezaannya hanya dari segi motif penangkapan penyu dilakukan. Pada zaman tradisi ia dilakukan untuk mendapatkan kulit penyu untuk memenuhi permintaan pasaran di Benua China. Manakala pada zaman pendudukan Jepun, dilakukan untuk mendapatkan daging penyu bagi memenuhi keperluan makanan dan perubatan tentera-tentera Jepun.

Dasar anti-Cina dalam kalangan tentera Jepun telah menyebabkan golongan pemodal Cina yang sebelum ini menguasai dan monopoli perusahaan perikanan dari peringkat pengeluaran hingga pemasaran telah melarikan diri ke kawasan pedalaman bagi mengelak kezaliman tentera Jepun. Ketiadaan golongan pemodal Cina telah memburukkan lagi perusahaan perikanan kerana rangkaian pemasaran sumber perikanan yang mula meningkat naik pada zaman sebelum ini telah musnah. Di samping itu, ketiadaan golongan pemodal Cina juga telah menyebabkan kehidupan para nelayan semakin terjepit. Para nelayan telah kehilangan modal atau sumber kewangan secara kredit untuk membina atau menambah teknologi penangkapan ikan. Oleh itu, aktiviti menangkap ikan ketika itu hanya bergantung pada saki baki teknologi penangkapan ikan yang sedia ada sebelum pendudukan Jepun lagi. Namun demikian, teknologi penangkapan ikan yang masih ada tersebut tidak dapat bertahan lama kerana alat ganti daripada kilang tidak diperoleh ketika itu. Ini telah menyebabkan teknologi penangkapan ikan yang berdasarkan barang kilang tidak dapat digunakan lagi. Oleh itu, para nelayan terpaksa bergantung kepada teknologi penangkapan ikan yang berdasarkan bahan semula

jadi daripada persekitaran dan juga saki-baki barang terpakai sahaja seperti *tampuling*, *sangkap*, *bubu*, *tugu*, *lintau*, *kabatan*, *tabeh*, *kail*, *rawai* dan *pilamas*.

Kesulitan mendapatkan alat ganti mengakibatkan teknologi penangkapan ikan berada pada tahap yang sangat rendah yang sekali gus membataskan aktiviti-aktiviti penangkapan ikan. Di samping itu, hal ini telah memaksa ramai nelayan untuk berpindah ke kawasan-kawasan pedalaman berhutan tebal. Dengan menetap di kawasan pedalaman, sekurang-kurangnya mereka dapat bergantung pada hasil hutan sebagai sumber makanan dan pada masa yang sama mereka dapat mengusahakan beberapa aktiviti penanaman makanan seperti ubi kayu dan sayur di kawasan tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan bekalan sumber perikanan semakin berkurangan dan sukar diperoleh di pasaran tempatan. Kekurangan ini telah meningkatkan harga pasaran sumber perikanan segar sehingga mencecah \$8.00 ringgit sekati (Harun: 1965: 78).

Pada peringkat akhir pendudukan Jepun di Brunei (1944-1945), perusahaan perikanan semakin bertambah buruk lagi apabila Tentera Bersekutu sering melancarkan serangan secara besar-besaran bagi menawan semula Brunei (Sabihah *et al*, 1995: 98-100; Horton, 1985: 331). Ini termasuklah kawasan utama menangkap ikan di Teluk Brunei yang ketika itu dijadikan pengkalan utama tentera laut Jepun² (Sabihah *et al*, 1995: 106; Horton, 1985: 331). Serangan ini telah menyebabkan banyak teknologi penangkapan ikan tidak dapat digunakan lagi kerana mengalami kerosakan dan kemusnahan. Semua teknologi penangkapan ikan yang bersifat kekal seperti kelong, *lintau* dan *tugu* telah habis musnah dibom oleh kapal-kapal perang Tentera Bersekutu. Begitu juga dengan teknologi mudah alih seperti *bubu*, *rawai* dan *pilamas* juga tidak dapat digunakan lagi kerana para nelayan tidak dapat menggunakan perahu untuk pergi ke

² Teluk Brunei merupakan pengkalan utama tentera laut Jepun yang menghubungkan antara Singapura dan Saigon.

lokasi menangkap ikan. Pada waktu itu, kapal-kapal Tentera Bersekutu akan mengebom apa-apa sahaja objek yang terdapat atau terapung di atas permukaan air, sehingga *apung*³ yang hanyut di permukaan air pun dibom (Kassim, 2008: Temu bual).

Pengeboman besar-besaran oleh Tentera Bersekutu ini, telah memusnahkan banyak kemudahan awam seperti pejabat kerajaan, rumah sakit dan kedai termasuk juga Kampong Ayer kediaman utama para nelayan. Ini telah menyebabkan bandar Brunei dan Kampong Ayer menjadi lengang dan sunyi kerana para penduduk termasuk para nelayan yang menetap di sana telah melarikan diri ke kawasan pedalaman. Malahan ada yang telah pergi meninggalkan Brunei untuk mencari penghidupan baru di daerah lain seperti Limbang, Lawas dan Labuan (Sabihah *et al*, 1995: 108). Keadaan ini telah melumpuhkan hampir keseluruhan aktiviti menangkap ikan ketika itu.

Walaupun keadaan kurang selamat sebilangan kecil penduduk tempatan terpaksa juga meneruskan aktiviti menangkap ikan bagi memenuhi keperluan makanan harian. Bagi mengelak daripada serangan Tentera Bersekutu dan diketahui oleh tentera Jepun, aktiviti menangkap ikan ini hanya dilakukan secara bersembunyi-sembunyi di kawasan pesisiran pantai pada waktu malam. Hanya kaedah dan teknologi yang paling mudah seperti kaedah mengutip dengan tangan dan teknologi penangkapan ikan kail dan *sangkap* sahaja dapat digunakan ketika itu. Kaedah dan teknologi yang digunakan ini hanya dapat mendaratkan sumber perikanan dalam kuantiti yang sedikit sahaja.

Bagi meningkatkan kuantiti pendaratan sumber perikanan, teknologi penangkapan ikan rawai yang sebelum ini digunakan di kawasan luar pantai telah diubai suai untuk digunakan di kawasan pesisiran pantai. Perkara ini jelas apabila rawai yang

³ Bahasa Brunei, sejenis tumbuhan palma (*palem*) yang daunnya dibuat atap, rokok daun dan sebagainya.

sebelum ini dilabuh di tengah laut dengan menggunakan pelampung dari kayu *pulaie* yang diikat di kedua-dua hujung *talintingnya*, telah ditukar dengan menggunakan *turus* dari buluh atau kayu. Salah satu *turus* dipacakkkan di kawasan tepi pantai, manakala yang satu lagi dipacakkkan ke tengah laut atau sungai. Setelah selesai dilabuh, alat ini akan ditinggalkan beberapa hari kerana hasil tangkapan hanya akan diambil apabila keadaan tenang dan selamat (Kassim, 2008: Temu bual). Ini menunjukkan bahawa perubahan yang berlaku dalam teknologi penangkapan ikan pada waktu itu bukan disebabkan faktor untuk memenuhi permintaan pasaran, tetapi disebabkan oleh keperluan untuk mendapatkan bekalan makanan pada musim peperangan.

4.5 Sistem Pentadbiran Residen British II

Pendudukan Jepun selama lebih kurang tiga setengah tahun telah berakhir apabila gabungan Tentera Bersekutu⁴ yang diketuai oleh Lieutenant-General Sir Moorshead telah berjaya mendarat di Muara pada 10 Jun 1945 (*Brunei Annual Report*, 1946: 7; Macaskie Papers, 1945: 1-86; Horton, 1984: 38; Yus Sabariah, 1991: 83; *The Borneo Bulletin*, 1980, Dec 6: 18). Disebabkan tiada sebarang tentangan daripada tentera Jepun yang kebanyakannya telah melarikan diri ke hulu-hulu sungai,⁵ Tentera Bersekutu hanya mengambil masa tiga hari untuk menduduki bandar Brunei dan seterusnya mengisytiharkan Brunei di bawah Pentadbiran Tentera British (BMA). Dengan ini, Brunei sekali lagi menerima sistem pentadbiran yang bercorak ketenteraan. BMA bukan hanya dilaksanakan di Brunei sahaja, tetapi meliputi juga Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak dengan menjadikan Pulau Labuan sebagai pusat pentadbirannya. Untuk memudahkan pelaksanaan BMA, Wilayah Borneo Utara telah dibahagikan kepada enam wilayah iaitu Kuching, Sibu, Miri, Brunei/ Labuan, Jesselton dan Sandakan. BMA di

⁴ Kebanyakan terdiri daripada Tentera Australia.

⁵ Ramai tentera Jepun telah melarikan diri ke hulu-hulu Sungai Limbang, Terusan, Tutong dan Belait. Manakala tentera dan pegawai Jepun yang tidak melarikan diri telah melakukan *harakiri*.

wilayah Brunei/ Labuan diketuai oleh Senior Civil Affair Officer, Wing Commander K. E. H. Kay yang telah dilantik menjadi wakil sementara Residen British (*Brunei Annual Report*, 1946: 8; Sabihah *et al*, 1995: 107).

Berbeza dengan dasar pentadbiran Jepun sebelum ini, pelaksanaan BMA oleh pihak British ini bertujuan untuk memulihkan semula keamanan dan ketenteraman awam selepas tamatnya pendudukan Jepun. Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh pihak BMA lebih menjuruskan kepada usaha-usaha memberi bantuan kecemasan seperti membangun dan membaik pulih kerosakan, menyusun semula pentadbiran dan undang-undang negeri, memberikan bantuan kepada mangsa peperangan dan membasmi penyakit akibat peperangan (Muhammad, 1997: 4-5) yang dianggap sebagai langkah “*liberation from evil oppression*” (Horton, 1984: 40). Hal ini dilaksanakan kerana serangan yang dilakukan oleh Tentera Bersekutu dalam usaha menawan semula Brunei telah menyebabkan banyak kerosakan pada tempat dan kemudahan awam seperti rumah sakit, pejabat kerajaan, kedai, pasar, sekolah, masjid, jalan raya, Kampong Ayer dan rumah Residen British. Perkara ini jelas seperti yang dinyatakan dalam memorandum Wing Commander K. E. H. Key kepada Brigadier C.F.C. Macaskie, bertarikh 4 Januari 1946:

“The main Govt. Offices, goal, market, the whole of bazaar, P.W.D., stores and offices, the Govt. Rest House, Mosque, Malay School, teachers quarters, Recreation Club, European Club and Hospital were wiped out. All the European’s bungalows remain except the Chief Police Officer’s which were destroyed. They all need repairs ... (PS/A/BR/209/92, 1946: 4; Othman, 2004: 105).

Sementara itu, Darrell Hick salah seorang tentera Australia yang terlibat dalam operasi menawan semula Brunei juga menyatakan tentang kemusnahan bandar Brunei pada ketika itu:

“Brunei its main centre of population was just a pile rubble. Brunei Town, as it was in those days, had only three buildings left standing. One was a private house, the other the Hong Kong and Shanghai Bank’s safe building (in reality, this was just an old

wooden shack-like structure) and a building sited where the arts and handicrafts centre (The Borneo Bulletin, 1980, Dec 6: 18).

Pada masa yang sama, bekalan makanan, pakaian dan ubat-ubatan juga tidak mencukupi yang menyebabkan penyakit dan kebuluran semakin menjadi-jadi. Untuk menampung kekurangan tersebut BMA telah menubuhkan sebuah lembaga yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pembahagian bekalan makanan, pakaian dan ubat-ubatan kepada para penduduk. Antara langkah yang diberi perhatian oleh lembaga ini ialah usaha mengeluarkan hasil beras dari beberapa ladang padi yang sedia ada. Usaha ini mendatangkan hasil apabila sebanyak 50 peratus hasil beras daripada ladang-ladang padi yang ditanam pada tahun 1945 telah berjaya dikeluarkan untuk menampung kekurangan bekalan makanan pada akhir tahun 1945. Manakala dari segi kemudahan sosial dan infrastruktur, pihak BMA tidak dapat membangunkannya dengan cepat. Tiada sebarang bangunan baru yang dapat dibina ketika itu. Pihak BMA hanya dapat memperbaiki semula kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti beberapa buah bangunan kerajaan, jalan raya, sekolah, rumah sakit, kedai dan pasar (Horton, 1984: 39-40; Sabihah *et al*, 1995: 108).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan BMA ini kurang disenangi oleh penduduk tempatan (bangsa Melayu), kerana pegawai-pegawai BMA lebih memberi perhatian kepada golongan bangsa Cina yang mahir berbahasa Inggeris. Ini jelas apabila urusan pentadbiran dan perhubungan telah dipegang oleh golongan Cina sebagai orang tengah dalam memudahkan proses pentadbiran. Keadaan ini menyebabkan penduduk tempatan menjadi tersisih dan mewujudkan kemarahan dalam kalangan mereka sehingga berlakunya pergaduhan kaum antara penduduk tempatan dengan golongan Cina (Mohd Jamil, 1992: 6; Monk, 1992: 65; Muhammad, 1997: 5-6). Untuk menyelesaikan masalah ini penduduk tempatan telah mendesak BMA untuk menyerahkan semula pentadbiran

kepada Pentadbiran Awam British secepat mungkin (“Borneo Military Administration 1946”, 1997: 81; Othman, 2004: 106). Perkara ini jelas seperti yang dinyatakan dalam surat daripada pusat BMA di Labuan kepada Brigadier F.G. Drew, War Office, London bertarikh 16 Mei 1946:

“... I reported a “strong” desire by the population for the early return Civil Government. Strong is perhaps too emphatic. There is a general desire, expect perhaps by the Oil Company, whose Genenal Manager told me that they were in no hurry because BMA satisfied them! ...” (Macaskie Papers, 1946: 1-86).

Atas desakan tersebut serta bagi mengawal ketenteraman awam tugas BMA telah diserahkan kepada Pentadbiran Awam British pada 6 Julai 1946 (“Borneo Military Administration 1946”, 1997: 81; Othman, 2004: 106-107; Muhammad, 1997: 7). Dengan penyerahan ini, Pentadbiran Residen British yang terhenti semasa pendudukan Jepun dapat disambung semula. Oleh itu, melalui perlantikan W. J. Peel sebagai Residen British yang sekali gus menjadi ketua tertinggi dalam pentadbiran Brunei, Pentadbiran Residen British II telah dapat dilaksanakan. Untuk mengukuhkan kuasa Residen British dalam Pentadbiran Residen British II, enakmen *“The Proclamation, Transfer of Powers and Interpretion Enactment”* telah diluluskan yang memberi kuasa kepada Residen British menjadi Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam (*Chief Civil Affair Officer*), Pengawal Kewangan dan Akaun (*Controller of Finance and Accounts*), Penjaga Harta (*Custadian of Property*), Pengawal Import dan Eksport (*Controller of Imports and Exports*) dan Pengawal Kastam (*Controller of Customs*) (*The Proclamation Transfer and Power, Interpretation Enactment*, 1946: 3).

Bagi meraih simpati dan kepercayaan penduduk tempatan, Pentadbiran Residen British II dilaksanakan dengan lebih tersusun dan menyeluruh berbanding dengan Pentadbiran Residen British I sebelum pendudukan Jepun. Ini jelas melalui keterlibatan secara langsung Pentadbiran Residen British II terhadap pembangunan

ekonomi dan sosial Brunei. Walau bagaimanapun, pada waktu itu Pentadbiran Residen British II menghadapi kekurangan tenaga mahir kerana tidak ramai penduduk tempatan yang boleh mengisi jawatan pentadbiran. Untuk mengatasi masalah ini serta untuk menjamin keberkesanan jentera pentadbiran, Pentadbiran Residen British II telah mendatangkan beberapa orang pegawai perkhidmatan awam daripada Malayan Civil Service dan beberapa pegawai teknikal daripada Malayan Professional Service. Pada masa yang sama, kedatangan pegawai-pegawai dari luar telah dapat mengukuhkan kedudukan, pengaruh dan kuasa British di Brunei apabila hampir keseluruhan jawatan dalam pentadbiran Brunei telah diisi oleh mereka (Horton, 1985: 352).

Selain itu, bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir serta untuk mengukuh dan melicinkan pelaksanaan jentera pentadbiran, Pentadbiran Residen British II telah menyatukan pentadbiran Brunei dengan pentadbiran Sarawak melalui *Brunei-Sarawak Agreement* yang ditandatangani pada 1 Mei 1948. Dengan penyatuan tersebut secara langsung telah merubah dua dasar utama pentadbiran Brunei ketika itu. Pertama, Gabenor Sarawak telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei menggantikan tugas Gabenor Negeri-Negeri Selat sebagai Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei sebelum Perang Dunia Kedua. Kedua, beberapa orang pegawai ekspatriat Inggeris dalam pentadbiran Sarawak akan diambil dari semasa ke semasa untuk berkhidmat dalam pentadbiran Brunei sebagai pegawai-pegawai pinjaman (*seconded officer*) (*Brunei/ Sarawak Agreement*, 1953; Othman, 2004: 115).

Dengan kemudahan mendapatkan tenaga kerja daripada Sarawak tersebut, beberapa buah jabatan kerajaan yang baru telah ditubuhkan oleh Pentadbiran Residen British II. Ini jelas apabila jumlah jabatan-jabatan kerajaan telah meningkat daripada sembilan buah sebelum Perang Dunia Kedua kepada 27 buah pada tahun 1959 (Othman,

2004: 131; Muhammad, 1997: 123). Peningkatan jumlah jabatan-jabatan kerajaan ini menunjukkan kesungguhan Pentadbiran Residen British II untuk memantapkan jentera pentadbiran dalam usaha membangunkan ekonomi dan sosial Brunei yang sekali gus dapat menarik kepercayaan penduduk tempatan. Ini jelas apabila jabatan kerajaan yang terawal ditubuhkan oleh Pentadbiran Residen British II lebih menjurus kepada jabatan yang bertanggungjawab dalam pembekalan bahan makanan dan protien iaitu Jabatan Perikanan dan Jabatan Perbekalan dan Setor.

Penubuhan Jabatan Perikanan merupakan salah satu jabatan yang terawal dicadangkan oleh Pentadbiran Residen British II. Cadangan penubuhan jabatan ini dimulakan sejak tahun 1946 oleh Dr. C.F. Hickling, Penasihat Perikanan bagi Setiausaha Tanah Jajahan, sewaktu beliau melawat Brunei pada tahun tersebut. Namun demikian usaha ini hanya dapat dilaksanakan pada tahun 1949 berikutan lawatan Mr. E Banks, Pegawai Perikanan Sarawak yang mencadangkan supaya ditubuhkan Jabatan Perikanan Gabungan Brunei-Sarawak (*Joint Fisheries Department*). Pada peringkat awal Jabatan Perikanan gabungan Brunei-Sarawak beribu pejabat di daerah Belait di bawah pengendalian Mr. E.H. Weigall yang dilantik menjadi Pegawai Perikanan pada 1 April 1949 (*Brunei Annual Report*, 1949: 17). Pada tahun berikutnya barulah jabatan ini dipindahkan ke bandar Brunei setelah Mr. J.K. Corrigan, Pakar Perikanan (*Master Fisherman*) didatangkan dari England untuk menjawat jawatan sebagai Ketua Jabatan Perikanan (*Brunei Annual Report*, 1950: 17; Othman, 2004: 131-132; Sabullah, 1994: 148). Kedatangan seorang pakar dari England ini menunjukkan keterlibatan Pentadbiran Residen British II untuk memajukan perusahaan perikanan. Ini terbukti apabila pengurusan dan kegiatan perikanan pada zaman Pentadbiran Residen British II telah berjalan dengan lebih teratur dan bersistematik berbanding dengan zaman Pentadbiran Residen British I sebelum ini. Segala peralatan menangkap ikan, bot, bilangan nelayan

dan hasil tangkapan yang didararkan telah mula direkod dan dicatatkan dalam Laporan Tahunan Negeri Brunei pada tahun 1950. Selain itu, dalam usaha memajukan dan melindungi perusahaan perikanan pada waktu itu, satu enakmen mengenai perikanan di bawah “*The Sea Fishing and Kilongs Enactment*” telah digubal dan dikuatkuasakan pada tahun 1958.

Apabila Sultan Omar Ali Saifuddien III (Sultan Brunei ke-28) yang dikenali juga sebagai “Arkitek Brunei Modern” mula menaiki takhta pada 6 Jun 1950, sistem pentadbiran Brunei semakin bertambah baik dan dapat dijalankan dengan lebih teratur. Bermula dari zaman pemerintahan baginda, Brunei telah mengalami banyak perubahan dan perkembangan sama ada dari segi politik, pentadbiran, ekonomi, sosial, keagamaan dan pembangunan. Asas kekuatan kepada perubahan dan perkembangan ini adalah kejayaan baginda mengadakan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) lima tahun yang pertama 1953-1958. Walau bagaimanapun, usaha mengadakan RKN lima tahun yang pertama ini mendapat tentangan daripada Residen British yang menganggap perbelanjaan bagi melaksanakan RKN lima tahun yang pertama boleh menjelaskan kewangan negara. Namun demikian, atas desakan kuat baginda serta ditambah lagi dengan keadaan ekonomi Brunei yang telah stabil hasil daripada pendapatan minyak mentah yang telah meningkat dengan drastiknya pada tahun 1950, Residen British melalui Majlis Mesyuarat Negeri telah meluluskan RKN lima tahun yang pertama pada 29 Julai 1953 yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$100 juta (*Penyata Pembangunan Negeri Brunei, 1953-1958:* 10; Jiram, 1997: 398-399; Othman, 1992/1993: 20-23). Dengan kejayaan ini, memperlihatkan bahawa Brunei merupakan negara pertama dalam sejarah kolonial British yang mengadakan RKN lima tahun kerana negara-negara kolonial British yang lain hanya berjaya mengadakan RKN lima tahun setelah berjaya mendapatkan status

Berkerajaan Sendiri seperti Malaya yang hanya mengadakan RKN lima tahun pada tahun 1955.⁶

Dengan adanya RKN lima tahun yang pertama ini, segala rancangan dan usaha pembangunan Brunei telah dilaksanakan dengan corak yang lebih berencana serta mempunyai objektif dan matlamat yang lebih jelas berbanding dengan rancangan pembangunan pada tahun-tahun sebelumnya. Tiga perkara yang diberi perhatian dan penekanan dalam RKN lima tahun yang pertama tersebut ialah pembangunan infrastruktur, ekonomi dan sosial. Ini jelas apabila beberapa buah hospital dan klinik kesihatan, sekolah, masjid, bangunan kedai, rumah kediaman, jalan raya dan lapangan terbang telah dibina dalam usaha meningkatkan pembangunan infrastruktur. Dalam pembangunan ekonomi pula, beberapa penyelidikan terhadap galian, tanah tanih untuk tanaman, perkilangan, penanaman getah dan padi, pembukaan dan pembinaan tali air telah dilakukan bagi mengembangkan lagi kegiatan ekonomi Brunei. Manakala dalam usaha meningkatkan pembangunan sosial pula, bekalan air bersih, elektrik dan gas, perkhidmatan pendidikan, perubatan dan perumahan telah dapat disediakan yang telah dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk dari tahun-tahun sebelumnya (*Penyata Pembangunan Negeri Brunei 1953-1958*).

Dalam kerancakan melaksanakan RKN lima tahun yang pertama, Brunei menghadapi kekurangan tenaga buruh terutama dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur dan ekonomi. Bagi mengatasi masalah ini, Pentadbiran Residen British II telah mendatangkan ramai tenaga buruh dari luar seperti Cina, India, Jawa, Iban/Dayak dan Eropah (Noralipah, 2000/2001: 23). Kedatangan tenaga buruh secara langsung telah meningkatkan permintaan sumber makanan, termasuk juga sumber perikanan sebagai

⁶ Brunei mendapat status Berkerajaan Sendiri pada tahun 1959.

sumber protein termurah. Untuk memenuhi peningkatan sumber perikanan, pihak pentadbiran melalui RKN lima tahun yang pertama telah melaksanakan “rancangan memberi bantuan kepada nelayan.” Sejumlah \$90 ribu dalam RKN lima tahun yang pertama, kemudian ditambah lagi sebanyak \$30 ribu pada tahun 1955 telah diperuntukkan dalam usaha melaksanakan rancangan tersebut. Dengan adanya rancangan ini diharap akan dapat meningkatkan lagi perkembangan perusahaan perikanan terutama dari segi memodenkan kaedah-kaedah tradisi yang digunakan oleh nelayan pada waktu itu agar dapat meningkatkan hasil tangkapan yang didaratkan. Perbincangan lanjut mengenai perkembangan perusahaan perikanan akan dijelaskan lebih lanjut pada bahagian lain dalam bab ini.

4.6 Perkembangan Ekonomi Brunei Semasa Pentadbiran Residen British II

Ekonomi Brunei yang lumpuh pada zaman Pendudukan Jepun dapat dipulihkan dengan cepat oleh Pentadbiran Residen British II melalui aktiviti perdagangan luar yang menjadi asas ekonominya. Perkara ini terbukti apabila nilai eksport dan imbalan perdagangan Brunei memperlihatkan pertambahan yang pesat terutama pada tahun-tahun 1950an (lihat Jadual 4.1). Walau bagaimanapun, pertambahan ini sangat bergantung kepada peningkatan nilai eksport minyak mentah dari setahun ke setahun. Selain itu, keadaan ini juga disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh pemodal-pemodal Eropah yang dibawa masuk oleh Pentadbiran Residen British II. Terdapat dua buah firma perdagangan Eropah iaitu Borneo Company Limited dan Harrisson and Croosfield (Borneo) Limited yang telah membuka cawangannya di Brunei pada tahun 1947 bertanggungjawab menguruskan perdagangan import dan eksport ketika itu (*Brunei Annual Report, 1947: 14; Jiram, 1997: 358*).

Jadual 4.1: Nilai Perdagangan Brunei 1946-1959 (*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Eksport \$	Peratus %	Import \$	Peratus %	Jumlah	Peratus Pertumbuhan	Imbangan (+/-)
1946*	781,145	28.2	1,993,248	71.8	2,774,393	-	-1,212,103
1947	31,079,709	65.5	16,391,373	34.5	47,471,082	1611.0	14,688,336
1948	49,252,710	58.3	35,207,305	41.7	84,460,015	77.9	14,045,405
1949	62,062,791	63.4	35,835,170	36.6	97,897,961	15.9	26,227,621
1950	205,388,521	77.3	60,265,034	22.7	265,653,555	171.4	145,123,487
1951	271,838,398	84.4	50,358,830	15.6	322,197,228	21.3	221,479,568
1952	275,633,204	78.2	76,719,967	21.8	352,353,171	9.4	198,913,237
1953	282,593,113	71.3	113,722,162	28.7	396,315,275	12.5	168,870,951
1954	273,476,507	73.2	99,880,894	26.8	373,357,401	-5.8	173,595,613
1955	303,418,823	76.5	93,384,093	23.5	396,802,916	6.3	210,034,730
1956	330,291,877	74.3	114,083,317	25.7	444,375,194	12.0	216,208,560
1957	339,984,633	76.0	107,463,542	24.0	447,448,175	0.7	232,521,091
1958	326,877,860	78.7	88,665,955	21.3	415,543,815	-7.1	238,211,905
1959	310,004,846	83.1	62,965,731	16.9	372,970,577	-10.2	247,039,115

Nota: * Nilai Perdagangan Eksport dan Import bagi enam bulan terakhir sahaja.
\$ Tanah Melayu

Kewujudan dua buah firma ini telah memberi peluang kepada saudagar-saudagar Cina yang menjadi wakil saudagar-saudagar Singapura untuk ikut serta dalam aktiviti perdagangan. Saudagar Cina telah menjadi pembeli utama terhadap beberapa barang keluaran Brunei untuk dipasarkan di pasaran Singapura. Pada masa yang sama, mereka juga menjadi pemborong dan penjual runcit. Keadaan ini telah menambahkan bilangan saudagar Cina dari semasa ke semasa (*Brunei Annual Report*, 1955: 31; Jiram, 1997: 358). Penglibatan saudagar Cina dalam aktiviti ekonomi telah meningkatkan keperluan kepada tenaga buruh yang sekali gus menambahkan bilangan penduduk Brunei. Keadaan ini secara tidak langsung telah menambahkan permintaan sumber perikanan seiring dengan peningkatan sumber makanan. Ini menunjukkan bahawa peningkatan permintaan sumber perikanan pada zaman Pentadbiran Residen British II berkait rapat dengan perkembangan ekonomi Brunei waktu itu.

4.6.1 Sektor Perlombongan

Kepentingan sektor perlombongan sebagai penyumbang kepada pendapatan ekonomi Brunei pada penghujung tempoh pentadbiran Residen British I diteruskan pada zaman pentadbiran Residen British II. Pada tempoh ini tumpuan hanya diberikan kepada komoditi minyak mentah dan gas asli sahaja.

Perkara ini jelas apabila langkah pertama yang dijalankan dalam usaha membangunkan semula ekonomi yang musnah semasa Perang Dunia Kedua ialah membaik pulih beberapa buah telaga minyak yang rosak dan usaha mencari gali atau menggerudi telaga-telaga minyak yang baharu. Pada akhir tahun 1946, sebanyak 113 buah telaga minyak telah berjaya dipulihkan dan pada masa yang sama sebanyak 17 buah telaga minyak baru berjaya digerudi (*Brunei Annual Report*, 1946: 22; Jiram, 1997: 382).

Keadaan ini secara langsung telah membolehkan minyak mentah dieksport semula pada tahun 1947 yang bernilai sebanyak \$29,540,995. Menjelang tahun 1950 nilai eksport minyak telah meningkat dengan drastik sehingga hampir mencecah sebanyak \$200 juta iaitu peningkatan sebanyak 229.6 peratus dari tahun sebelumnya. Namun demikian, tiga tahun kemudian nilai eksport minyak mentah telah mengalami penurunan dari tahun sebelumnya selama dua tahun berturut-turut. Nilai eksport minyak mentah telah turun daripada \$270,684,253 pada tahun 1952 kepada \$263,961,743 pada tahun 1953 dan \$262,206,468 pada tahun 1954 (lihat Jadual 4.2). Penurunan ini disebabkan oleh dasar pihak pentadbiran yang mengehadkan pengeluaran dari beberapa buah telaga minyak untuk menjamin kegunaan pada masa hadapan.

Pada tahun 1955 satu usaha mencari gali minyak termasuk di beberapa kawasan luar pantai telah dilaksanakan. Usaha ini telah mendatangkan kejayaan apabila beberapa buah telaga minyak yang baharu telah berjaya digerudi. Jumlah telaga minyak yang berjaya digerudi pada tahun tersebut telah mencecah sehingga 292 buah. Kejayaan ini secara langsung telah meningkatkan nilai eksport minyak mentah daripada \$262,206,468 pada tahun 1954 kepada \$286,920,405 pada tahun 1955. Nilai eksport ini terus meningkat sehingga mencapai sebanyak \$313,737,265 pada tahun 1957 iaitu nilai eksport tertinggi sepanjang tempoh ini. Pada dua tahun berikutnya iaitu pada tahun 1958 dan 1959, nilai eksport minyak mentah menurun semula disebabkan beberapa buah telaga minyak tidak dapat beroperasi sepenuhnya yang terpaksa ditinggalkan (Jiram, 1997: 364-367 & 382-383 (lihat Jadual 4.2). Walaupun nilai eksport minyak mentah telah beberapa kali mengalami penurunan, namun pada sepanjang tempoh ini minyak mentah telah menjadi komoditi eksport utama Brunei. Ini jelas apabila pada sepanjang tempoh ini nilai eksport minyak mentah telah menyumbangkan antara 91.91 peratus sehingga 98.20 peratus kepada nilai keseluruhan eksport tahunan negara (lihat Jadual 4.2).

Jadual 4.2: Nilai Eksport Minyak Mentah Brunei 1946-1959 (*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran; Horton, 1984: 90)

Tahun	Nilai (\$ Tanah Melayu)	Peratus Pertumbuhan	Peratus daripada Eksport Keseluruhan
1946	t.d.	t.d.	t.d.
1947	29,540,995	-	95.05
1948	47,140,683	59.6	95.71
1949	60,131,144	27.6	96.89
1950	198,210,084	229.6	96.50
1951	262,813,614	32.6	96.68
1952	270,684,253	3.0	98.20
1953	263,961,743	-2.5	93.41
1954	262,206,468	-0.7	95.88
1955	286,920,405	9.4	94.56
1956	309,308,981	7.8	93.65
1957	313,737,265	1.4	92.28
1958	300,429,192	-4.2	91.91
1959	292,596,639	-2.6	94.38


Nota: t.d.- tiada data.

Seiring dengan kejayaan pengkesportan minyak mentah, Brunei juga berjaya menghasilkan dan mengeksport gas asli pada tahun 1947. Pada tahun tersebut, sebanyak 893,344 ribu kaki padu gas asli yang bernilai \$256,500 telah berjaya dieksport. Nilai eksport gas asli kecuali pada tahun 1951, 1957 dan 1958 telah mengalami pertumbuhan yang positif dari tahun-tahun sebelumnya. Kuantiti dan nilai eksport tertinggi gas asli dicatatkan pada tahun 1956 sebanyak 3,224,951 ribu kaki padu yang bernilai sebanyak \$694,780 (lihat Rajah 4.1). Peningkatan nilai eksport ini disebabkan pembinaan loji gas yang mula digunakan pada tahun 1955. Pada tahun berikutnya loji ini telah diperbesar dan dilengkapi dengan pemasangan empat buah pemampat gas (Jiram, 1997: 369-370 & 382-383). Walaupun nilai eksport gas asli sering mengalami pertumbuhan positif, namun pada sepanjang tempoh ini gas asli hanya menyumbangkan antara 0.2 hingga 0.8 peratus sahaja kepada nilai eksport keseluruhan negara.

4.6.2 Sektor Pertanian

Walaupun hampir keseluruhan sumber ekonomi Brunei pada tempoh ini sangat bergantung kepada komoditi minyak mentah, namun kepentingan sektor pertanian masih diberi perhatian serius oleh pihak Pentadbiran Residen British II bagi memenuhi permintaan sumber makanan yang semakin meningkat. Ini jelas apabila pihak pentadbiran telah cuba mendatangkan F. W. South iaitu seorang pakar pertanian yang bertugas sebagai Penasihat Pertanian kepada Pesuruhjaya Agung Khas British di Asia Tenggara. Walaupun pakar pertanian tersebut tidak sempat melawat Brunei,⁷ namun segala cadangan pembangunan sektor pertanian yang beliau kemukakan dilaksanakan di Brunei kerana cadangan tersebut lebih memberi keutamaan khusus kepada Brunei. Antara cadangan yang diberikan oleh beliau termasuklah menambahkan keluasan sawah padi yang ada; menggunakan benih-benih padi yang lebih baik; menggalakkan kaum tani

⁷ F. W. South hanya berkesempatan melawat Weston, Beaufort, Benoni, Tenom, Talipok dan Tuaran sahaja.



Rajah 4.1: Kuantiti dan Nilai Eksport Gas Asli Brunei 1946-1959

Nota: Tiada data kuantiti dan nilai pada tahun 1946 dan tiada data kuantiti pada tahun 1959.

Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran; Horton, 1984: 91.

menggunakan baja (pupuk) sebanyak mungkin; memperbanyak kebun sayur-sayuran dan buah-buahan; mengusahakan kembali perusahaan sagu dan kelapa; memberi galakan kepada rakyat supaya menternak lembu, kambing dan ayam; dan menggalakkan perusahaan perikanan (Zaini, 2003: 55).

Berikut dengan cadangan yang diberikan oleh pakar pertanian tersebut, pihak pentadbiran telah memberi perhatian dan galakan kepada aktiviti penanaman padi. Berbagai-bagai usaha telah dilaksanakan bagi memajukan aktiviti penanaman padi seperti memperkenalkan skim “*Grow More Food*” dan beberapa plot padi percubaan (*padi test plots*) (Jiram, 1997: 386). Usaha-usaha ini dilaksanakan bagi mengurangkan pergantungan negara terhadap beras import yang semakin meningkat pada waktu itu. Walau bagaimanapun, segala usaha yang dilaksanakan tidak mencapai matlamat yang diharapkan. Antara tahun 1946 hingga 1952 padi yang dihasilkan daripada aktiviti penanaman padi yang dirancang hanya mencukupi untuk kegunaan sara diri dan tempatan sahaja. Penghasilan tertinggi pada tempoh ini hanya dicatatkan antara tahun 1948 dan 1949 iaitu sebanyak 2,669,657 gantang (1,795,709 gantang padi paya dan 903,948 gantang padi tugal). Malahan menjelang tahun 1952 usaha yang dilaksanakan bagi memajukan aktiviti penanaman padi telah mengalami berbagai-bagai masalah. Untuk mengatasi masalah ini, percubaan penanaman padi dua musim telah diperkenalkan pada tahun 1954, namun ia tetap gagal (Horton, 1985: 365-366). Ini menunjukkan bahawa kebergantungan Brunei kepada beras import pada zaman sebelum ini berterusan hingga ke zaman Pentadbiran Residen British II.


Selain itu, pihak Pentadbiran Residen British II juga memberi galakan dan tumpuan kepada pembangunan perusahaan sagu yang pernah menjadi salah satu komoditi eksport terpenting pada zaman Pentadbiran Residen British I. Pada peringkat awal

Pentadbiran Residen British II dijalankan, kebanyakan sagu ditanam di kawasan berpaya di daerah Belait dan daerah Temburong. Untuk menambahkan jumlah penghasilan sagu pihak pentadbiran telah menambahkan lagi keluasan kawasan penanaman sagu dengan mengadakan “*Sago Demonstration Plot*” di Stesen Pertanian Birau dan Kuala Balai. Berbeza dengan perusahaan padi, usaha yang dilaksanakan ini mendapat kejayaan apabila keluasan kawasan penanaman dan pengeluaran termasuk eksport sagu telah dapat ditingkatkan. Ini terbukti apabila kawasan penanaman sagu telah meningkat daripada 2,046 ekar pada tahun 1948 kepada 2,500 ekar pada tahun 1955 yang dianggarkan boleh menghasilkan sebanyak 2,517 pikul sagu. Pertambahan keluasan kawasan penanaman sagu dengan sendirinya meningkatkan jumlah pengeluarannya termasuk kuantiti sagu yang dieksport. Ini jelas apabila kuantiti eksport sagu telah meningkat dengan drastik daripada hanya 247 pikul pada tahun 1955 kepada 5,027 pikul pada tahun 1959 (Jiram, 1997: 389).

Satu lagi komoditi dari sektor pertanian yang dapat memberi sumbangan kepada pendapatan negara ialah getah asli. Walaupun nilai eksport getah asli relatifnya kecil jika dibandingkan dengan sumbangan minyak mentah, namun ia menjadi komoditi eksport kedua terpenting di belakang minyak mentah pada tempoh ini. Kejayaan getah asli menjadi penyumbang kepada pendapatan negara disebabkan oleh beberapa buah syarikat dari Eropah yang pada zaman Pentadbiran Residen British I terlibat dalam perladangan getah masih meneruskan aktiviti mereka. Pada masa yang sama, pihak pentadbiran melalui Jabatan Pertanian telah memberi galakan dalam usaha memajukan perusahaan getah. Keadaan ini telah meningkatkan keluasan ladang getah daripada 19,450 ekar pada tahun 1948 kepada 36,364 ekar pada tahun 1958 (Jiram, 1997: 384-386).

Walaupun keluasan tanaman getah dapat diperluaskan, namun peratus pertumbuhan nilai eksport perusahaan getah sering mengalami keadaan turun naik. Faktor utama kepada perkara ini berlaku disebabkan harga getah asli yang sering berubah-ubah pada setiap tahun. Perkara ini jelas apabila peningkatan nilai eksport getah asli dari tahun 1946 hingga 1948 tidak dapat dikekalkan. Pada tahun 1949, nilai eksport getah asli telah mengalami pertumbuhan negatif lebih kurang 23.4 peratus daripada tahun sebelumnya. Apabila harga getah asli telah meningkat dengan drastik daripada 50 sen sepaun kepada \$2.00 sepaun pada tahun 1950 barulah nilai dan peratus pertumbuhan eksport getah asli meningkat semula. Nilai eksport yang dicatatkan pada tahun 1950 ialah \$6,154,169, iaitu peningkatan melebihi 400 peratus daripada tahun sebelumnya. Pada tahun berikutnya, nilai getah asli terus meningkat yang sekali gus telah mencatatkan nilai tertinggi eksport getah asli sepanjang tempoh ini, iaitu sebanyak \$8,036,992. Menjelang tahun 1952 harga nilai getah asli mula jatuh yang mengakibatkan nilai dan peratus pertumbuhan eksport mengalami pertumbuhan yang negatif. Walaupun harga nilai getah asli meningkat semula pada tahun 1954 hingga 1956, namun nilai eksport getah asli masih berada pada tahap rendah jika dibandingkan dengan tahun 1950 dan 1951. Keadaan ini berterusan hingga ke akhir tempoh ini (lihat Rajah 4.2).

Dari penjelasan di atas menunjukkan bahawa walaupun beberapa usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bersama beberapa buah syarikat Eropah dalam memajukan sektor pertanian, namun perkembangannya masih sama seperti zaman Pentadbiran Residen British sebelum ini yang masih bergantung kepada getah asli dan sagu sahaja.



Rajah 4.2: Nilai Eksport Getah Asli Brunei 1946-1959

Nota: 1946, Nilai eksport bagi enam bulan terakhir sahaja.


Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.

4.6.3 Sektor Perhutanan

Selain dari sektor perlombongan dan pertanian, Pentadbiran Residen British II juga cuba mengembangkan keluaran hutan yang pernah menjadi sumber pendapatan penduduk pedalaman sebelum minyak ditemui. Namun demikian, hanya dua komoditi iaitu getah jelutung dan kayu api yang berjaya dieksport. Manakala komoditi kayu balak masih sama seperti yang berlaku pada zaman Pentadbiran Residen British I yang hanya boleh menampung keperluan tempatan sahaja.

Walaupun aktiviti penorehan getah jelutung hanya menjadi salah satu pekerjaan sambilan puak Iban, namun hasil penorehannya berjaya dieksport bermula tahun 1948 melalui saudagar-saudagar Cina. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal tempoh ini harga getah jelutung di pasaran antarabangsa mengalami keadaan yang tidak stabil yang sekali gus menyebabkan nilai eksport getah jelutung sering mengalami pertumbuhan negatif. Pada dua tahun penghujung tempoh ini barulah harga getah jelutung di pasaran antarabangsa mula menampakkan peningkatan yang positif sehingga nilai eksport getah jelutung mencapai kemuncaknya sepanjang tempoh ini iaitu sebanyak lebih kurang \$500,379 yang dicatatkan pada tahun 1958 (Jiram, 1997: 370 & 389-390) (lihat Rajah 4.3).

Sama seperti getah jelutung, kayu api juga telah mula dieksport ke Hong Kong bermula pada tahun 1948. Pada tahun tersebut, kayu api telah menyumbangkan sebanyak \$39,081 kepada pendapatan eksport Brunei. Pada tahun-tahun berikutnya nilai eksport kayu api telah meningkat hingga mencapai kemuncaknya pada tahun 1952 yang bernilai sebanyak \$460,950. Namun demikian, disebabkan kekurangan tenaga buruh nilai eksport kayu api telah mengalami pertumbuhan negatif bermula dari tahun 1953 hingga ke penghujung tempoh ini. Pengeksportan kayu api hanya berjaya dikekalkan sehingga



Rajah 4.3: Nilai Eksport Getah Jelutung Brunei 1946-1959

Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.

tahun 1958 dengan nilai eksport yang paling rendah sepanjang tempoh ini iaitu sebanyak \$2,675 sahaja (Jiram, 1997: 392) (lihat Jadual 4.3).

Kejayaan pengeksportan getah jelutung dan kayu api tidak dapat dilakukan terhadap perusahaan kayu balak. Walaupun pihak Pentadbiran Residen British II telah cuba mengembangkan perusahaan kayu balak, namun pengeluaran perusahaan ini relatifnya kecil sahaja. Keadaan ini telah menyebabkan perusahaan kayu balak hanya mampu untuk menampung keperluan kecil tempatan sahaja. Bagaimanapun, jumlah kilang papan yang menjadikan kayu balak sebagai bahan utamanya dapat ditingkatkan pada tempoh ini. Pada tahun-tahun awal tempoh ini hanya tiga buah kilang papan berjaya diusahakan di Brunei. Menjelang tahun 1950an bilangan kilang papan mula meningkat daripada 10 buah pada tahun 1951 kepada 23 buah pada tahun 1953 (Jiram, 1997: 392).

4.7 Pertambahan Penduduk Brunei Semasa Pentadbiran Residen British II

Pada sepanjang tempoh Pentadbiran Residen British II, hanya sekali sahaja banci penduduk dijalankan di Brunei iaitu pada tahun 1947. Ini disebabkan banci penduduk yang sepatutnya dijalankan pada tahun 1941 tidak dapat dilaksanakan kerana berlakunya Perang Dunia Kedua. Begitu juga dengan banci penduduk tahun 1951 yang tidak dilaksanakan kerana tempoh masa yang sangat dekat dengan banci penduduk tahun 1947. Selepas tahun 1947, banci penduduk hanya dijalankan pada tahun 1960 iaitu setahun selepas berakhirnya tempoh Pentadbiran Residen British II di Brunei.

Hasil daripada banci penduduk tahun 1947, didapati jumlah keseluruhan penduduk Brunei hanya bertambah sebanyak 34.9 peratus iaitu daripada 30,135 orang pada tahun 1931 kepada 40,657 orang pada tahun 1947. Bagaimanapun, jumlah keseluruhan penduduk Brunei telah meningkat dengan begitu drastik sekali pada banci

Jadual 4.3: Nilai Eksport Kayu Api Brunei 1946-1959
(Brunei Annual Report, Pelbagai keluaran)

Tahun	Nilai (\$ Tanah Melayu)	Peratus Pertumbuhan
1948	39,081	-
1949	179,780	360.0
1950	203,240	13.0
1951	334,264	64.5
1952	460,950	37.9
1953	270,756	-41.3
1954	172,678	-36.2
1955	104,340	-39.6
1956	70,890	-32.1
1957	20,665	-70.8
1958	2,675	-87.1

penduduk tahun 1960. Jumlah penduduk Brunei telah meningkat daripada 40,657 orang pada tahun 1947 kepada 83,877 orang pada tahun 1960 iaitu pertambahan yang melebihi 100 peratus. Ini menunjukkan bahawa peratusan pertambahan penduduk Brunei pada zaman Pentadbiran Residen British II lebih tinggi berbanding peratusan pertambahan penduduk pada zaman Pentadbiran Residen British sebelum ini.

Berdasarkan kepada kedua-dua banci tersebut, didapati bilangan penduduk daripada semua komuniti telah bertambah pada setiap banci. Sama seperti tempoh sebelum ini, komuniti Melayu dan puak asli lain merupakan komuniti terbanyak di Brunei. Bilangan komuniti ini telah meningkat daripada 26,972 orang pada tahun 1931 kepada 31,161 orang pada tahun 1947 dan 59,603 orang pada tahun 1960. Walau bagaimanapun, peratusan komuniti ini sentiasa menurun pada setiap banci. Penurunan peratusan komuniti ini disebabkan oleh pertambahan bilangan dan peratusan komuniti-komuniti yang lain. Daripada komuniti-komuniti yang lain tersebut, komuniti Cina merupakan yang paling tinggi mengalami pertambahan sama ada dari segi bilangan maupun peratusannya. Komuniti Cina telah bertambah daripada 2,683 orang (8.9 peratus) pada tahun 1931 kepada 8,300 orang (20.4 peratus) pada tahun 1947 dan 21,795 orang (26.0 peratus) menjelang tahun 1960 (lihat Jadual 4.4).

Dari perangkaan di atas memperlihatkan bahawa pertambahan bilangan penduduk Brunei pada tempoh ini banyak dipengaruhi oleh pertambahan komuniti-komuniti lain yang kebanyakannya merupakan imigran dari luar yang datang ke Brunei. Kedatangan beramai-ramai imigran ini disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya, keperluan tinggi terhadap tenaga buruh dalam usaha memulihkan telaga minyak dan bagi mempercepat kerja pembinaan semula negeri yang musnah akibat perang (Jatswan, 1995: 108). Selain itu, kepesatan perkembangan ekonomi terutama sekali selepas tahun

Jadual 4.4: Bilangan Penduduk Brunei Mengikut Tahun Banci 1931, 1947 dan 1960
(BDSYB 1979/1980 & 2002; Vlieland, 1932: 126)


Kaum/ Tahun	1931	%	1947	%	1960	%
Melayu dan Puak Asli Lain	26,972	89.5	31,161	76.6	59,203	70.6
Cina	2,683	8.9	8,300	20.4	21,795	26.0
India*	377	1.3	454	1.1	2,879	3.4
Lain-Lain	103	0.3	742	1.8		
Jumlah	30,135	100	40,657	100	83,877	100

Nota: * Dalam Tahun 1960 “India” telah dimasukkan ke dalam “Lain-Lain”

1950 telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada imigran atau pekerja asing (Jiram, 1997: 393). Di samping itu, suasana aman damai tanpa berlakunya kekacauan serta banyak tersedianya kemudahan sosial juga telah menarik lebih ramai imigran dari luar untuk datang ke Brunei (Jatswan, 1995: 109-110).

Dari segi taburan penduduk dalam banci penduduk tahun 1947 dan 1960 memperlihatkan bahawa pertambahan penduduk dipengaruhi oleh kedudukan ekonomi dan perkembangan pusat bandar atau pentadbiran. Ini jelas apabila pertambahan penduduk lebih tertumpu di daerah Belait yang menjadi pusat ekonomi dan di daerah Brunei dan Muara yang menjadi pusat bandar dan pusat pentadbiran. Kepentingan industri minyak dan gas yang terletak di daerah Belait telah memusatkan pertumbuhan penduduk di daerah ini berbanding daerah-daerah lain. Jumlah penduduk daerah Belait sebelum industri minyak dan gas berkembang dengan pesat hanya berjumlah 3,897 orang pada tahun 1931. Setelah industri minyak dan gas semakin berkembang pesat pada tempoh ini telah menambahkan jumlah penduduknya dengan drastik menjadi 12,567 orang pada tahun 1947 dan 31,708 orang pada tahun 1960. Begitu juga dengan daerah Brunei dan Muara, kepentingan daerah ini sebagai pusat bandar dan pusat pentadbiran telah menambahkan jumlah penduduknya melebihi 100 peratus daripada 18,531 orang pada tahun 1947 kepada 37,511 pada tahun 1960 (lihat Rajah 4.4).

Pertambahan pesat bilangan penduduk telah memberi kesan kepada perkembangan perusahaan perikanan di Brunei. Pertambahan penduduk secara langsung telah meningkatkan permintaan sumber perikanan di pasaran tempatan. Keadaan ini telah mendorong pihak pentadbiran dengan kerjasama golongan pemodal Cina untuk memberi perhatian kepada pembangunan perusahaan perikanan. Hal ini telah menyebabkan perusahaan perikanan telah mengalami banyak perubahan dan perkembangan dalam



Rajah 4.4: Taburan Penduduk Brunei Menurut Daerah Tahun 1931, 1947 dan 1960

Sumber: Jones, 1961: 23.

semua peringkat, daripada peringkat pengeluaran hingga ke peringkat pemasaran. Perubahan dan perkembangan ini telah berjaya meningkatkan hasil tangkapan yang didaratkan oleh para nelayan untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dari setahun ke setahun, terutama pada dua tahun terakhir tempoh ini.

4.8 Perkembangan Perusahaan Perikanan Semasa Pentadbiran Residen British II

Selepas Pentadbiran Residen British disambung semula dan penyatauan pentadbiran antara Brunei dan Sarawak pada tahun 1948, perusahaan perikanan di Brunei telah mengalami banyak perubahan. Perubahan berlaku dalam semua peringkat, daripada peringkat pengeluaran hingga ke peringkat pemasaran. Perubahan yang berlaku itu sangat berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbiran. Pada zaman Pentadbiran Residen II, pihak pentadbiran campur tangan secara langsung dalam pembangunan perusahaan perikanan. Ini berbeza dengan peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbiran pada tempoh-tempoh sebelum ini yang hanya membiarkan perusahaan perikanan berkembang sendiri. Penglibatan secara langsung Pentadbiran Residen British II adalah berikutan peningkatan permintaan sumber perikanan sebagai sumber protein utama dan termurah kepada penduduk Brunei. Di samping itu, dengan memberi perhatian terhadap pembangunan perusahaan perikanan, akan dapat menarik kepercayaan dan simpati penduduk tempatan khususnya para nelayan kepada Pentadbiran Residen British II yang baru disambung semula selepas Perang Dunia Kedua.

Dalam usaha merancang, menyediakan peruntukan, menerapkan teknologi dan mengawasi pembangunan perusahaan perikanan secara menyeluruh Pentadbiran Residen British II telah menujuhkan Jabatan Perikanan gabungan antara Brunei dan Sarawak pada awal tahun 1949 seperti yang dijelaskan sebelum ini. Dengan tertubuhnya Jabatan Perikanan Gabungan ini, beberapa program pembangunan perikanan telah

dilakukan yang berasaskan kepada *Colonial Development and Welfare Scheme* yang dilaksanakan kepada beberapa buah tanah jajahan British seperti Borneo Utara, Sarawak dan Singapura (Ismail Ali, 2007: 84). Oleh itu, program pembangunan perikanan yang dilaksanakan di Brunei terutama dari segi pengurusan dan pemodenan teknologi perikanan adalah seiring dengan pembangunan yang dilaksanakan di tanah-tanah jajahan British yang lain.

Langkah awal yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Gabungan ini ialah membawa sebuah kapal penangkap ikan *Motor Fishing Vessel* dari England pada tahun 1949 untuk membuat penyelidikan tentang sumber perikanan di pesisiran pantai Kuala Belait dan Sarawak (*Brunei Annual Report*, 1949: 17). Bagi mendapatkan hasil penyelidikan yang lebih menyeluruh, satu penyelidikan tentang sumber perikanan di kawasan perairan Teluk Brunei dan di kawasan-kawasan berbatu karang telah diadakan pada awal tahun 1950. Pada masa yang sama, penyelidikan tentang perkembangan aktiviti penangkapan ikan di Brunei juga dilakukan. Hasil daripada penyelidikan tersebut menunjukkan bahawa teknologi penangkapan ikan yang digunakan oleh para nelayan ketika itu hanya berbentuk tradisi yang hanya sesuai digunakan di kawasan perairan cetek sahaja seperti bubu, kelong, *tugu* dan sebagainya (Sabullah, 1994:149).

Teknologi penangkapan ikan tradisi yang digunakan oleh para nelayan tersebut tidak mampu untuk menampung peningkatan permintaan sumber perikanan akibat pertambahan drastik penduduk seperti yang dijelaskan sebelum ini. Berikutan dengan keadaan ini, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh Pentadbiran Residen British II untuk memaju dan membangunkan perusahaan perikanan bagi memenuhi peningkatan permintaan sumber perikanan.


Langkah penting yang dilaksanakan ialah melesenkan peralatan penangkapan ikan dan bot perikanan serta merekodkan hasil tangkapan yang didaratkan. Dengan adanya usaha pelesenan ini pihak pentadbiran dapat mengenalpasti tahap teknologi penangkapan ikan dan bot perikanan yang digunakan oleh para nelayan serta mengetahui kemampuan mereka mendaratkan sumber perikanan. Di samping itu, pelesenan ini juga merupakan salah satu cara pihak pentadbiran menambahkan hasil pendapatan. Usaha melesen dan merekod ini mula dijalankan pada tahun 1950. Pada tahun tersebut, sebanyak 789 unit teknologi penangkapan ikan telah berjaya dilesenkan. Selepas dari tahun tersebut, bilangan teknologi penangkapan ikan yang dilesenkan sering mengalami keadaan yang turun naik. Bilangan tertinggi teknologi penangkapan ikan yang dilesenkan pada tempoh ini dicatatkan pada tahun 1957 yang berjumlah sebanyak 2,662 unit (lihat Jadual 4.5). Begitu juga dengan bilangan bot perikanan yang dilesenkan sering mengalami keadaan yang turun naik. Pada tahun 1950 sebanyak 224 buah bot perikanan telah berjaya dilesenkan dan bilangan ini terus meningkat dengan drastiknya pada tahun berikutnya kepada 692 buah. Namun demikian, selepas tahun tersebut, bilangan bot perikanan yang dilesenkan telah mengalami penurunan semula. Sehingga ke akhir tempoh ini, bilangan bot perikanan yang dilesenkan tidak pernah melebihi 300 buah (lihat Rajah 4.5).

Berbeza dengan bilangan teknologi penangkapan ikan dan bot perikanan yang dilesenkan, jumlah hasil perikanan segar yang direkodkan telah mengalami peningkatan dari setahun ke setahun kecuali pada tahun 1953 dan tahun 1957. Ini jelas apabila jumlah hasil perikanan segar yang direkodkan di pasar-pasar seluruh negara telah meningkat daripada 2,151 pikul pada tahun 1950 kepada 45,072 pikul pada tahun 1959 (lihat Jadual 4.6). Ini menunjukkan bahawa hasil perikanan yang dikeluarkan pada zaman Pentadbiran Residen British II lebih tertumpu kepada sumber perikanan segar. Hal ini berbeza dengan

Jadual 4.5: Bilangan Teknologi Penangkapan Ikan Yang Dilesenkan 1950-1959 (*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran)

Teknologi Penangkapan Ikan	1950	1951	1952	1953	1954	1955	1956	1957	1958	1959
Ancau	t.d.	t.d.	t.d.	0	3	4	4	5	5	3
Bubu	9	330	123	55	265	757	1820	1800	1128	486
Gurit /Long Line/Rawai	0	1	19	10	1	1	1	1	1	t.d
Kabat	7	16	13	24	25	30	27	17	20	18
Kilong	102	46	11	107	31	27	26	21	30	21
Lintau	11	120	90	58	118	102	132	141	70	117
Paguyot	12	18	10	3	4	19	8	7	5	6
Panau	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	0	5	0
Pancing (Fishing Road)	t.d.	t.d.	t.d.	0	0	0	4	3	0	2
Penakat/Jaul	0	35	14	40	32	0	0	0	1	t.d.
Pukat	21	29	8	24	17	21	18	18	13	13
Rambat	0	21	0	7	8	10	8	0	0	t.d.
Rantau	43	23	19	14	3	19	19	14	16	12
Selambau	14	11	13	3	18	16	15	21	17	10
Tabeh	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	20	19	17
Tambak	5	42	21	10	20	24	20	7	4	3
Tugu	565	567	t.d.	t.d.	t.d.	684	437	587	724	566
JUMLAH	789	1,259	341	355	545	1,714	2,102	2,662	1,334	1,274

Nota: t.d. - tiada data



Rajah 4.5: Jumlah Bot Perikanan yang Dilesenkan 1950-1959

Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.

Jadual 4.6: Jumlah Sumber Perikanan Segar yang Terdapat di Pasar Seluruh Negeri
1950-1959 (*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Kuantiti Pikul			Peratus Pertumbuhan
	Ikan	Udang	Jumlah	
1950	1,635.49	516.00	2,151.49	-
1951	t.d.	t.d.	t.d.	-
1952		10,862.20	10,862.20	404.9*
1953	2,264.45	589.38	2,853.83	-73.7
1954	3,429.99	921.45	4,351.44	52.5
1955	9,115.38	1,008.80	10,124.18	132.7
1956	19,995.00	2,140.00	22,135.00	118.6
1957	11,961.74	2,724.03	14,685.77	-33.7
1958	27,611.87	3,205.52	30,817.39	109.8
1959	40,329.77	4,742.08	45,071.85	46.3

Nota : t.d.- tiada data.

: * Peratus pertumbuhan dibandingkan dengan tahun 1950.

apa yang berlaku pada zaman Pentadbiran Residen British I sebelum ini yang memberi tumpuan kepada pengeluaran sumber perikanan yang dimasin atau dikeringkan. Dengan ini memperlihatkan bahawa permintaan sumber perikanan segar yang tinggi tidak membenarkan perkembangan pengeluaran sumber perikanan yang dimasin atau dikeringkan.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna sumber perikanan yang dimasin atau dikeringkan tidak mendapat permintaan pada tempoh ini. Sumber perikanan yang dimasin dan dikeringkan masih mendapat permintaan daripada tenaga buruh yang terlibat dalam sektor pembinaan dan perlombongan. Untuk memenuhi permintaan ini, pihak pentadbiran telah mengimport sumber perikanan yang diproses berasaskan produk ikan kering daripada negeri-negeri jiran seperti Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak. Ini memperlihatkan bahawa kebergantungan Brunei terhadap sumber perikanan import pada zaman Pentadbiran Residen British I berterusan hingga ke zaman Pentadbiran Residen British II. Penjelasan lanjut mengenai pengimportan sumber perikanan ini akan dibincangkan lebih terperinci pada bahagian lain dalam bab ini.

Kemampuan para nelayan meningkatkan hasil tangkapan disebabkan oleh usaha memodenkan teknologi penangkapan ikan yang mula giat dilaksanakan oleh pihak pentadbiran pada awal tahun 1952. Pada tempoh ini, pihak pentadbiran telah mendatangkan atau mengimport bahan-bahan binaan teknologi penangkapan ikan keluaran kilang dari luar negara terutama dari Eropah. Antara bahan yang diimport ialah benang, rami, *nylon*, tali sisal, gentian hem, *tangsi* atau *kuralon*, mata kail, umpan tiruan, dawai mata punai dan pelampung sintetik yang diperbuat daripada getah bagi menggantikan penggunaan buluh dan tali daripada kapas (Lim, 1986: 57; Mohammad Raduan, 2006: 156-157; Ismail Ali, 2007: 85-86).

Pada tahun yang sama, pihak pentadbiran juga telah memperkenalkan penggunaan enjin sangkut bagi bot perikanan bagi menggantikan *pengayuh* dan layar yang digunakan pada tempoh-tempoh sebelum ini. Hampir keseluruhan enjin sangkut yang diperkenalkan ini diimport dari Amerika Syarikat berjenama *Penta*, *Seagull*, *Evinrude* dan *Johnson* (*Borneo Bulletin*, 1954, Jan 23: 4; Kapitan, 2008: Temu bual). Pada peringkat permulaan enjin sangkut diperkenalkan, kekuatannya hanya mempunyai tiga kuasa kuda. Namun demikian, pada penghujung tempoh ini kekuatan enjin sangkut yang diperkenalkan telah mencapai ke tahap 20 kuasa kuda (Lim, 1986: 67). Dengan penggunaan enjin sangkut, kawasan operasi para nelayan semakin jauh dari pantai yang sebelum ini tidak dapat diterokai secara menyeluruh. Selain itu, proses penghantaran hasil tangkapan yang sebelum ini memakan masa yang panjang juga dapat diatasi dengan adanya bot perikanan berenjin sangkut. Malahan proses penghantaran sumber perikanan ke bandar Brunei yang sebelum ini menggunakan kenderaan darat melalui Pekan Muara, telah dapat diantar terus dengan menggunakan bot perikanan berenjin sangkut. Keadaan ini secara langsung telah menjadikan bandar Brunei sebagai pusat utama pengumpulan hasil perikanan yang didaratkan oleh para nelayan.

Dalam usaha memodenkan teknologi penangkapan ikan dan memperkenalkan penggunaan enjin sangkut ini, pihak pentadbiran hanya berperanan dalam mempromosi dan memperkenalkannya kepada para nelayan sahaja. Keadaan ini telah membuka peluang kepada golongan pemodal Cina untuk bertindak sebagai pembekal bahan binaan moden dan enjin sangkut kepada para nelayan. ‘Sistem tauke’ yang diperkenalkan oleh golongan pemodal Cina semasa zaman Pentadbiran Residen British I dihidupkan semula. Pada zaman Pentadbiran Residen British I, golongan pemodal Cina bertanggungjawab mengeluarkan modal dan perbelanjaan secara kredit untuk para nelayan membeli bahan-bahan binaan teknologi penangkapan ikan. Manakala

pada zaman Pentadbiran Residen British II, golongan pemodal Cina bertanggungjawab membiayai dan membekalkan keperluan untuk menangkap ikan seperti teknologi penangkapan ikan, bot perikanan dan enjin sangkut.

Dalam hal ini, golongan pemodal Cina menjadi ‘pemilik bukan pengusaha’. Dengan memiliki dan menguasai teknologi penangkapan ikan, bot perikanan dan enjin sangkut, golongan pemodal Cina boleh mendapatkan bekalan sumber perikanan untuk dipasarkan secara berterusan. Ini disebabkan hasil perikanan yang didaratkan oleh nelayan akan dibahagi-bahagikan mengikut sistem pembahagian pendapatan. Dalam sistem pembahagian pendapatan ini, pemilik bot perikanan akan mendapat setengah bahagian, manakala pemilik enjin sangkut dan setiap nelayan mendapat satu bahagian (Lim, 1986: 57-58). Melalui ‘sistem tauke’, para nelayan bukan sahaja boleh menggunakan teknologi perikanan moden dalam operasi menangkap ikan, tetapi juga jaminan pemasaran hasil perikanan yang didaratkan. Oleh itu, segala urusan pemasaran sumber perikanan pada zaman Pentadbiran Residen British II ini, di bawah kawalan golongan pemodal Cina yang menjadi orang tengah, manakala para nelayan hanya menjadi penangkap dan pembekal sumber perikanan sahaja. Keadaan ini telah membolehkan golongan pemodal Cina mengaut keuntungan yang tinggi daripadanya.

Ini menunjukkan bahawa setiap perubahan yang dilaksanakan oleh pihak pentadbiran dalam membangunkan perusahaan perikanan akan memberi ruang yang luas kepada golongan pemodal Cina untuk mencipta keuntungan. Tanpa adanya golongan pemodal Cina, segala perubahan yang dilaksanakan dalam perusahaan perikanan pada zaman Pentadbiran Residen British II tidak akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para nelayan. Sebagai contoh melalui ‘sistem tauke’ yang diamalkan oleh golongan pemodal Cina telah membolehkan hampir keseluruhan nelayan menggunakan bot

perikanan berenjin sangkut pada tahun 1956. Hanya sebilangan kecil nelayan yang menjalankan operasi penangkapan ikan untuk keperluan keluarga sahaja menggunakan bot perikanan tidak berenjin ketika itu (*Brunei Annual Report*, 1956: 55).

Pentadbiran Residen British II menyedari bahawa kebergantungan para nelayan kepada golongan pemodal Cina melalui ‘sistem tauke’ ini tidak memberi keuntungan kepada para nelayan. Para nelayan akan sentiasa dikawal oleh golongan pemodal Cina kerana terpaksa menanggung hutang dalam masa yang agak panjang (*Brunei Annual Report*, 1954: 57). Oleh itu, Pentadbiran Residen British II telah memperkenalkan skim bantuan pinjaman kewangan tanpa faedah kepada para nelayan untuk mendapatkan teknologi penangkapan ikan termasuk bot perikanan dan enjin sangkut (*Brunei Annual Report*, 1952: 23). Bagaimanapun, skim pinjaman kewangan ini kurang mendapat sambutan daripada para nelayan berbanding ‘sistem tauke’ yang diperkenalkan oleh golongan pemodal Cina (*Brunei Annual Report*, 1957: 57). Ini disebabkan oleh kesukaran untuk mendapatkan kelulusan pinjaman kecuali para nelayan yang memiliki tanah dan barang lain sebagai cagaran.

Selain itu, pada tahun 1955 pihak kerajaan melalui RKN lima tahun yang pertama telah meluluskan peruntukan sebanyak \$120 ribu untuk melaksanakan rancangan memberikan bantuan kepada nelayan. Melalui peruntukan ini beberapa rancangan untuk membangunkan perusahaan perikanan telah diluluskan dalam RKN lima tahun yang pertama, antaranya (*Penyata Pembangunan Negeri Brunei*, 1953-1958: 99-100):

1. Memperkenalkan penggunaan enjin dalam diesel yang lebih murah dan tahan lama sehingga 10 hingga 15 tahun berbanding dengan penggunaan enjin motor sangkut yang memerlukan perbelanjaan lebih tinggi dan hanya boleh digunakan dalam jangka masa satu atau dua tahun sahaja.

2. Mendaratkan tiga buah kapal beserta seorang Pegawai Perikanan Melayu dengan penolongnya dari Malaya untuk menunjukkan cara-cara menangkap ikan.
3. Mendaratkan enam orang Melayu dan enam orang Cina daripada Malaya untuk mengajar nelayan-nelayan Brunei cara-cara menggunakan peralatan menangkap ikan.
4. Menghantar nelayan-nelayan Brunei ke luar negara untuk berkursus dan mempelajari cara menangkap ikan, ilmu pelayaran (*navigation*), cara menggunakan dan membaiki enjin dalam diesel.

Walau bagaimanapun, hanya dua rancangan sahaja iaitu rancangan menghantar nelayan ke Malaya dan mendataran kapal menangkap ikan dari Malaya dapat dilaksanakan. Pada 9 Julai 1956, empat orang nelayan tempatan telah dihantar berkursus di Sekolah Nelayan Pulau Pinang. Namun demikian, hanya tiga orang nelayan sahaja yang berjaya mengikuti dan menamatkan kursus yang dijalankan selama tiga bulan. Dalam kursus ini, para nelayan telah dibawa melawat untuk mempelajari cara menangkap ikan di beberapa buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu seperti Terengganu, Kelantan, Perak dan Kedah. Dalam lawatan tersebut, mereka telah melihat dan mempelajari kaedah menangkap ikan dengan menggunakan bubi, rawai umpan, kelong dan beberapa jenis pukat seperti pukat tangkul, pukat tarik, pukat payang dan pukat dalam. Ketiga-tiga nelayan yang berjaya menamatkan kursus ini telah kembali semula ke Brunei pada bulan November 1956. Disebabkan pada waktu itu tiada kapal menangkap ikan seperti yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu, mereka tidak dapat menggunakan pengetahuan dan kaedah menangkap ikan yang mereka pelajari dalam kursus tersebut (*Penyata Pembangunan Negeri Brunei, 1953-1958: 99-100; Pelita Brunei, 1956, Jul 1:6*).

Untuk mengatasi masalah ini, pada tahun 1957 dua daripada tiga buah kapal menangkap ikan berenjin dalam yang menggunakan minyak diesel didatangkan ke Brunei daripada Semenanjung Tanah Melayu sebagai percubaan. Kapal ini dilengkapi dengan kabin kecil yang boleh digunakan untuk menyimpan hasil tangkapan dalam ais (*Berita Brunei*, 23 Mei 1957: 1). Disebabkan para nelayan tidak mempunyai kemahiran dalam pengendalian kapal menangkap ikan berenjin dalam, menyebabkan ia tidak dapat digunakan dalam operasi menangkap ikan. Para nelayan hanya bergantung kepada bot perikanan berenjin sangkut dan teknologi menangkap ikan tempatan walaupun ia lebih terdedah kepada bahaya ketika cuaca buruk (*Brunei Annual Report*, 1958: 58). Walaupun usaha ini tidak mendapat sambutan daripada para nelayan, namun ia telah memperlihatkan komitmen Pentadbiran Residen British II untuk memajukan perusahaan perikanan melalui penggunaan kapal menangkap ikan berenjin dalam.

Selain itu, bagi memenuhi peningkatan permintaan sumber perikanan, Jabatan Pertanian Brunei telah melaksanakan satu percubaan memelihara ikan dalam kolam di Stesen Pertanian Kilanas yang dimulakan pada awal tahun 1956. Rancangan ini bertujuan bagi menggalakkan peladang-peladang padi untuk melibatkan diri dalam pemeliharaan ikan dalam kolam selepas mereka mengetam padi. Bagi melaksanakan rancangan ini, sebanyak lebih kurang 1,000 ekor ikan dari jenis *Chinese Carp* dan *Telapia* didatangkan dari Singapura (*Pelita Brunei*, 1956, April 1: 7). Walaupun pihak kerajaan telah memberikan beberapa nasihat dan tunjuk ajar cara-cara memelihara ikan dalam kolam kepada para peladang, namun percubaan ini telah mengalami kegagalan.

Bagi membolehkan Pentadbiran Residen British II melaksanakan pembangunan perusahaan perikanan dengan lebih teratur dan terkawal, “The Sea Fishing and Kilongs Enactment, 1958” telah digubal dan dikuatkuasakan. Beberapa perkara

penting telah diperuntukkan dalam enakmen ini, antaranya, kawalan tehadap kapal menangkap ikan dari luar negeri, kuasa pegawai perikanan yang dilantik, peraturan dalam penangkapan ikan dan pelesenan peralatan menangkap ikan.⁸

Secara keseluruhan, usaha-usaha yang dijalankan oleh Pentadbiran Residen British II telah membawa banyak perubahan dan perkembangan dalam perusahaan perikanan. Rancangan pihak pentadbiran untuk mempertingkatkan jumlah pendaratan hasil perikanan tahunan telah berjaya. Ini dapat dibuktikan daripada peningkatan jumlah sumber perikanan segar yang dipasarkan setiap tahun. Segala bentuk perubahan yang telah dilaksanakan oleh pihak pentadbiran itu menjadi kenyataan kerana adanya tindak balas positif daripada golongan pemodal Cina. Bagaimanapun, hasil perikanan yang didaratkan ini tidak mampu menampung sepenuhnya permintaan sumber perikanan yang semakin meningkat setiap tahun akibat pertambahan bilangan penduduk. Keadaan ini telah menyebabkan Brunei terus bergantung kepada bekalan sumber perikanan import dari luar negeri seperti yang berlaku pada zaman Pentadbiran Residen British I. Selain itu, perubahan yang dilakukan oleh pihak pentadbiran telah memberi peluang kepada golongan pemodal Cina untuk mengeksplorasi perusahaan perikanan untuk mendapat keuntungan. Keadaan ini telah menyebabkan taraf hidup para nelayan dalam erti kata yang sebenar masih belum dapat ditingkatkan pada zaman Pentadbiran Residen British II ini. Ini jelas apabila para nelayan masih bergantung kepada golongan pemodal Cina untuk mendapatkan bahan-bahan untuk menangkap ikan dan memasarkan hasil perikanan yang didaratkan.

⁸ Lebih lanjut lihat State of Brunei Enactment No. 14 of 1958, “The Sea Fishing and Kilongs Enactment, 1958”.

4.9 Tenaga Buruh Perikanan Semasa Pentadbiran Residen British II

Bilangan tenaga buruh perikanan pada tempoh ini agak sedikit jika dibandingkan dengan tenaga buruh di sektor-sektor ekonomi lain. Ini jelas tergambar daripada keseluruhan bilangan penduduk yang aktif dalam pekerjaan didapati bilangan nelayan hanya bertambah 74 orang dalam tempoh 13 tahun, iaitu daripada 634 orang pada tahun 1947 dan 708 orang pada tahun 1960 (lihat Jadual 4.7). Bilangan ini hanya masing-masing berjumlah 4.5 peratus dan 2.9 peratus daripada jumlah keseluruhan bilangan penduduk aktif dalam pekerjaan yang telah mengalami peningkatan. Bilangan penduduk yang aktif dalam pekerjaan telah meningkat daripada 14,153 orang pada tahun 1947 kepada 24,830 orang pada tahun 1960.

Sama seperti yang berlaku pada zaman-zaman sebelum ini, keseluruhan tenaga buruh perikanan terdiri daripada nelayan tempatan yang rata-ratanya berbangsa Melayu. Begitu juga halnya dengan taraf hidup nelayan yang sehingga ke penghujung tempoh ini masih bergantung kepada golongan pemodal Cina. Apa yang jelas sumber kewangan nelayan selepas Pendudukan Jepun sangat terhad, maka untuk mendapatkan bahan binaan moden, teknologi penangkapan ikan, bot perikanan dan enjin sangkut, nelayan sangat bergantung kepada pinjaman kewangan daripada golongan pemodal Cina. Ini bermakna, kehidupan nelayan sentiasa terhimpit dengan bebanan hutang yang menyebabkan mereka terus menerus sebagai pengusaha bukan pemilik dalam aktiviti menangkap ikan.

Walaupun beberapa usaha telah dilakukan oleh pihak pentadbiran untuk meningkatkan taraf hidup para nelayan seperti yang dijelaskan sebelum ini, namun masih juga gagal untuk meningkatkan taraf hidup para nelayan dalam erti kata yang sebenar. Oleh itu, perkembangan yang kurang menggalakkan ini merupakan salah satu faktor

Jadual 4.7: Bilangan Penduduk Yang Aktif Dalam Pekerjaan Berdasarkan Banci Penduduk 1960 (Jones, 1961: 73)

Industri	1947		1960	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Perikanan	634	4.5	708	2.9
Pertanian	5,407	38.2	4,722	19.0
Penghasilan dan Pemprosesan Getah	629	4.4	2,288	9.2
Penghasilan Kayu Balak	397	2.8	225	0.9
Penghasilan Minyak	2,285	16.1	3,558	14.3
Bangunan, Pembinaan	899	6.4	3,388	13.7
Perdagangan	602	4.3	1,941	7.8
Pembuatan (<i>Manufacturing</i>)	826	5.8	1,419	5.7
Perkhidmatan Personel dan Hiburan	943	6.7	1,390	5.6
Perkhidmatan Komuniti	86	0.6	1,375	5.5
Pengangkutan dan Perhubungan	290	2.0	982	4.0
Lain-Lain Industri	1,155	8.2	2,834	11.4
Jumlah	14,153	100.0	24,830	100.0

yang mempengaruhi kepada penurunan bilangan tenaga buruh perikanan. Keadaan ini telah menyebabkan hasil perikanan yang didararkan masih tidak mampu untuk memenuhi permintaan sumber perikanan yang semakin meningkat dari masa ke semasa. Ini membuktikan secara tidak langsung bahawa bilangan dan kedudukan tenaga buruh perikanan merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada kebergantungan Brunei terhadap sumber perikanan yang diimport dari negara luar.

4.10 Teknologi Penangkapan Ikan Semasa Pentadbiran Residen British II

Hampir keseluruhan teknologi penangkapan ikan semasa Pentadbiran Residen British II telah mengalami perubahan. Sewaktu pendudukan Jepun, perubahan dan modifikasi yang berlaku terhadap teknologi penangkapan ikan disebabkan keperluan untuk mendapatkan bekalan makanan pada musim peperangan. Pada zaman Pentadbiran Residen British II, perubahan teknologi penangkapan ikan dilakukan atas keperluan untuk meningkatkan hasil tangkapan untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan yang semakin meningkat. Di samping itu, perubahan dan modifikasi teknologi penangkapan ikan berlaku disebabkan mudahnya mendapatkan bahan-bahan binaan keluaran kilang yang diimport dari luar dan untuk menyesuaikan teknologi penangkapan ikan dengan bot perikanan berenjin sangkut. Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan perubahan yang berlaku terhadap teknologi penangkapan ikan mempunyai hubungan rapat dengan usaha yang dilaksanakan oleh pihak pentadbiran dalam menperkenalkan penggunaan bahan binaan keluaran kilang dan teknologi baru kepada nelayan tempatan.

Bagaimanapun, tidak semua teknologi penangkapan ikan telah mengalami perubahan. Perubahan hanya berlaku terhadap teknologi penangkapan ikan yang boleh dimodifikasi atau disesuaikan dengan bahan-bahan import. Melalui penelitian semula terhadap reka bentuk, bahan binaan, saiz, bilangan, kawasan operasi dan cara

pengendalian bagi setiap teknologi penangkapan ikan, didapati terdapat tiga kategori teknologi penangkapan ikan yang digunakan pada zaman Pentadbiran Residen British II, iaitu yang kekal tidak berubah, berubah dan baru. Teknologi penangkapan ikan yang bahan binaannya bersumberkan hutan persekitaran seperti kelong, *lintau*, *kabatan*, *tabeh*, *penyasaran* dan *tambak* masih kekal tidak berubah. Ini disebabkan oleh bahan binaan asas untuk membina peralatan ini seperti buluh dan akar *lamiding* masih mudah diperoleh dan tidak memerlukan kos yang tinggi.

Alat menangkap ikan bubu merupakan alat yang paling banyak mengalami perubahan. Alat ini telah mengalami perubahan dari segi bahan binaan, reka bentuk, saiz dan kawasan operasinya. Dari segi bahan binaan, dinding bubu telah menggunakan dawai mata punai menggantikan buluh temiang yang dianyam dan rangkanya menggunakan kayu sawar bubu yang dipaku. Reka bentuk bubu yang sebelum ini berbentuk silinder telah berubah kepada bentuk segi empat memanjang yang menguncup sedikit pada bahagian atasnya yang sekali gus telah menjadikan saiznya lebih besar (lihat Gambar 4.1). Dengan adanya bot perikanan berenjin sangkut, kawasan operasi bubu telah berpindah ke kawasan yang lebih jauh dari pantai.

Manakala peralatan menangkap ikan yang lain hanya mengalami beberapa perubahan sahaja sama ada dari segi bahan binaan, saiz, kawasan operasi atau bilangannya. Dari segi bahan binaan, peralatan menangkap ikan pukat, *rantau*, *tugu*, *peguyot*, *selambau*, *rambat* dan bintur yang sebelum ini menggunakan benang telah bertukar menggunakan nilon bagi jaringnya dan menggunakan pelampung yang diperbuat daripada plastik. Manakala peralatan menangkap ikan rawai, *pilamas*, *jaul*, *ambur*, kail dan *sagang* telah menggunakan mata kail yang diimport dari negara China menggantikan *pamata* yang diperbuat daripada dawai, jejari roda basikal atau tangkai tin minyak




Gambar 4.1: Bubu Dari Dawai Mata Punai

Sumber: Jabatan Perikanan, Brunei.

masakan. Di samping itu, tali utama dan perambut peralatan ini juga telah bertukar menggunakan nilon. Dengan kemudahan mendapatkan benang dan nilon pada waktu itu, saiz pukat, *rantau*, *peguyot* dan *selambau* telah menjadi lebih lebar dan panjang. Begitu juga dengan rawai, *pilamas*, *jaul* dan *ambur* yang saiznya semakin bertambah panjang.

Sementara itu, dengan adanya enjin sangkut dalam operasi menangkap ikan telah membolehkan alat-alat menangkap ikan di atas digunakan di kawasan yang lebih jauh dan dalam. Disebabkan kawasan operasi yang lebih jauh dan dalam ini, bilangan pukat dan *rantau* yang digunakan juga bertambah dalam satu-satu operasi. Begitu juga dengan rawai dan *pilamas* yang bilangan mata kailnya semakin bertambah daripada tahun-tahun sebelumnya.


Selain itu, kesan daripada usaha yang dilaksanakan oleh Pentadbiran Residen British II mendatangkan bahan binaan keluaran kilang dan enjin sangkut telah membolehkan para nelayan mencipta beberapa peralatan menangkap ikan yang baru seperti *jaul tunda*, *anjun*, *panau* dan *jungkat*. *Jaul tunda* merupakan alat menangkap ikan yang tercipta kesan daripada penggunaan enjin sangkut dalam operasi penangkapan ikan. Alat ini dihasilkan dengan cara memodifikasi alat menangkap ikan *jaul*. Oleh itu reka bentuk alat ini lebih kurang sama dengan alat menangkap ikan *jaul*. Perbezaannya hanyalah dari segi pengendalian dan bahan binaannya. Disebabkan kaedah utama pengendalian alat ini dengan cara menunda, maka alat ini dinamakan *jaul tunda* yang dikhususkan untuk mendaratkan ikan tenggiri (*scomberomorus spp.*). Bahan binaan alat ini terdiri daripada beberapa komponen seperti nilon, mata kail, dawai, pemberat dan *kirikan* (lihat Rajah 4.6). Operasi penangkapan ikan biasanya dijalankan di kawasan geligir dengan menggunakan bot perikanan berenjin sangkut. Apabila sampai di kawasan operasi, *jaul tunda* akan dicampakkan ke air, lalu ditunda dengan perlahan. Kebolehan



Rajah 4.6: Jaul Tunda

dan kecekapan dalam penundaan sangat diperlukan dalam operasi penangkapan ikan dengan menggunakan alat ini, kerana jika ikan tenggiri (*scomberomorus spp.*) telah menyambar umpan, tali utama hendaklah ditarik dengan cepat. Jika tidak mempunyai kecekapan, ikan tenggiri (*scomberomorus spp.*) akan menggigit tali utama yang boleh memutuskannya. Ikan tenggiri (*scomberomorus spp.*) yang telah menghampiri bot hendaklah dicangkul dahulu bahagian badannya sebelum diangkat naik ke atas perahu (Lim, 1986: 57; Anderson et al, 1952: 4; Ismail Ali, 1999: 93-95).


Manakala penciptaan alat menangkap ikan *anjun* pula terhasil daripada kemudahan untuk mendapatkan mata kail import. Selain itu, alat ini juga dihasilkan bagi meningkatkan hasil tangkapan dalam satu-satu operasi menangkap ikan. Reka bentuk alat ini juga lebih kurang sama dengan alat menangkap ikan *jaul*. Perbezaannya hanyalah dari segi jumlah mata kail yang digunakan dan cara pengendaliannya. Setiap satu *anjun* yang dihasilkan mempunyai tiga hingga lima mata kail berbanding dengan *jaul* yang hanya mempunyai satu mata kail (lihat Rajah 4.7). Bahan binaan utama alat ini terdiri daripada nilon sebagai tali utama dan perambut, beberapa mata kail, pemberat dan *kirikan*. Operasi alat ini dijalankan di kawasan perairan yang mempunyai *takat* atau *lawalawa* yang telah dipasang yang kedalamannya mencecah antara 25 hingga 30 meter. Apabila sampai ke kawasan operasi *anjun* akan dicampakkan ke air. Setelah pemberat alat ini mencecah dasar laut, tali utama mula ditarik-tarik ke atas bagi menarik perhatian ikan. Perbuatan menarik-narik inilah dipanggil ‘*menganjun*’. Biasanya alat ini akan mendaratkan tiga hingga lima ekor ikan pada setiap kali ia dicampak ke air. Antara spesies ikan yang didaratkan melalui alat ini termasuklah ikan merah (*lutjanidae/lutjanus spp.*), kerapu (*serranide/epinaephelus spp.*), kerosi bali (*nemipterus japonicus*) dan putih (*cavallas jacks*) (Ismail, 2009: Temu bual).



Rajah 4.7: Anjun

Salah satu alat menangkap ikan baru yang diciptakan bagi meningkatkan hasil perikanan ialah *panau*. Penghasilan alat ini adalah kesan daripada adanya bot perikanan berenjin sangkut sebagai kemudahan menuju ke kawasan operasi di tengah laut kira-kira lima hingga 13 kilometer dari pantai. Bahan binaan alat ini terdiri daripada sekeping jaring pukat nilon berbentuk seperti jala apabila ia digantung. Panjang lingkaran jaring pukat ialah antara 29 hingga 33 meter. Manakala saiz mata jaring pukat berukuran lima sentimeter. Di bahagian tepi atau birai atas *panau*, dipasang beberapa gelang yang diperbuat daripada rotan atau plastik. Tujuan pemasangan gelang ini adalah supaya bahagian atas jaring pukat *panau* ini akan tercerut jika tali jaring pukat ditarik. Selain itu, sebatang kayu yang panjangnya kira-kira 15 meter akan diikat dengan kemas pada bahagian birai jaring pukat yang berfungsi sebagai pelampung agar ia tidak tenggelam semasa operasi penangkapan ikan dijalankan (lihat Rajah 4.8).

Operasi penangkapan ikan dengan alat ini memerlukan antara tujuh hingga 11 orang nelayan. Apabila sampai di tempat operasi, seorang nelayan akan mengangkat *lawa-lawa* yang telah dipasang terlebih awal, sementara yang lain akan memerhatikan sahaja. Apabila *lawa-lawa* ini menunjukkan ada kumpulan ikan, ia akan dilepaskan semula dan seorang nelayan akan terjun ke air dengan membawa salah satu hujung tali jaring pukat untuk memeriksa kumpulan ikan tersebut. Manakala salah satu hujung tali jaring pukat lagi akan dipegang oleh seorang nelayan di atas perahu. Apabila nelayan yang terjun tadi memberi isyarat dengan menarik tali jaring pukat, dua orang nelayan akan terjun ke air bagi menghalang kumpulan ikan melarikan diri jauh dari jaring pukat. Kemudian, nelayan-nelayan lain akan terjun ke air dengan memegang jaring pukat di tangan masing-masing. Hanya seorang nelayan sahaja ditugaskan menarik jaring pukat di atas perahu.




Rajah 4.8: Panau

Sebaik sahaja kumpulan ikan dapat diperangkap di dalam jaring pukat, seorang nelayan yang berada di atas perahu akan mula menarik tali pukat ke permukaan air, lalu lengkungan akan terjadi secara perlahan-lahan sehingga bahagian atas jaring pukat itu tercerut merangkap ikan di dalamnya. Setelah itu, nelayan-nelayan yang di dalam air tadi akan segera naik ke atas perahu untuk sama-sama menarik jaring pukat yang telah berisi ikan. Satu operasi penangkapan ikan dengan menggunakan alat ini akan memakan masa kira-kira 45 minit. Sebanyak lebih kurang 100 kilogram ikan dapat didaraskan dalam satu operasi penangkapan yang dijalankan. Setelah selesai satu operasi, para nelayan akan berpindah ke tempat *lawa-lawa* yang lain untuk operasi seterusnya. Antara spesies ikan yang biasanya didaraskan melalui alat ini ialah ikan *duai hitam* (*formio niger*), *rumahan bini* (*rastrelliger brachysoma*), *tamanong* (*selar spp*) dan lain-lain (*Berita Jabatan Perikanan*, 1986: 11-12).

Selain daripada penghasilan alat menangkap ikan yang digunakan di kawasan yang jauh dari pantai, para nelayan juga menghasilkan alat menangkap ikan *jungkat* yang khusus digunakan di kawasan tebing sungai atau di pantaran rumah mereka di Kampong Ayer. Penciptaan alat ini disebabkan kemudahan untuk mendapatkan jaring nilon yang menjadi bahan asas pembinaannya. Reka bentuk alat ini lebih kurang sama dengan *bintur*. Ilham penciptaan alat ini juga dipercayai hasil daripada *bintur*. Akan tetapi *jungkat* lebih besar berbanding *bintur* serta ia dikhususkan untuk menangkap ikan. Bahan binaan alat ini terdiri daripada beberapa komponen seperti jaring nilon, rotan *tumbu*, tali, cangkuk, kayu *bintangur* dan batu timah (lihat Rajah 4.9).

Pada kebiasaannya dalam satu-satu operasi nelayan akan menggunakan antara 10 hingga 15 buah *jungkat*. Operasi penggunaan alat ini sangat mudah kerana hanya perlu melabuhkan jaring *jungkat* ke air dan kayu *bintangur* akan dipacakkkan ke



Rajah 4.9: Jungkat

tanah jika operasi dijalankan di tepi-tepi sungai. Jika operasi dijalankan di kawasan pantaran rumah nelayan, kayu *bintangur* akan diikat pada tiang pantaran. Jika *jungkat* ini digunakan pada sebelah malam, lampu lentera akan dipasang pada bahagian hujung kayu *bintangur* bagi menarik perhatian ikan. Setelah *jungkat* ini berada di dalam air kira-kira 10 hingga 15 minit, barulah ia diangkat ke atas untuk mengambil hasil tangkapan. Semasa *jungkat* ini diangkat, di tengah-tengah jaring akan *kabuk* (melentur) yang menyebabkan ikan yang berada di sana tidak dapat melepaskan diri. Antara spesies ikan yang dihasilkan dari alat ini ialah kerapu (*serranidae/epinaephelus spp*), sembilang (*plotosidae*), *belais* (*siganidae/ singanus spp*), kitang (*scatophagidae*) dan *bantang* (*upeneus sulphureus*) (Hashim: 2009: Temu bual).

Dari perbincangan di atas, didapati bahawa Pentadbiran Residen British II dan penglibatan golongan pemodal Cina banyak membawa perubahan dalam teknologi penangkapan ikan dan penghasilan beberapa teknologi penangkapan ikan yang baru. Selain itu, didapati juga bahawa segala perubahan dan penghasilan teknologi penangkapan ikan tersebut didorong oleh usaha untuk meningkatkan hasil pendaratan sumber perikanan bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan yang semakin meningkat akibat perkembangan ekonomi daratan dan pertambahan bilangan penduduk.

4.11 Pemasaran Hasil Perikanan Semasa Pentadbiran Residen British II

Penguasaan golongan pemodal Cina terhadap pemasaran hasil perikanan sebelum Perang Dunia Kedua berterusan sehingga ke zaman Pentadbiran Residen British II. Pada zaman sebelum ini, golongan pemodal Cina memberi tumpuan kepada pemasaran hasil perikanan yang diproses seperti ikan masin, ikan kering dan udang kering untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan eksport. Bagaimanapun, pada zaman Pentadbiran Residen British II, golongan pemodal Cina lebih memberi tumpuan kepada

pemasaran hasil perikanan dalam bentuk segar yang hanya boleh memenuhi permintaan pasaran tempatan sahaja.

Perubahan dari segi bentuk hasil perikanan ini disebabkan perkembangan pesat yang berlaku dalam perusahaan perikanan dan kemajuan dalam sistem pengangkutan darat yang membolehkan hasil perikanan dalam bentuk segar dapat dipasarkan ke kawasan yang dapat dihubungi oleh jalan pengangkutan darat. Perkara ini jelas seperti yang dinyatakan sebelum ini, jumlah hasil perikanan segar di pasaran tempatan telah meningkat daripada 2,151 pikul pada tahun 1950 kepada 45,072 pikul pada penghujung tempoh ini. Peningkatan pesat ini dapat dihubungkan dengan perkembangan yang berlaku dalam teknologi penangkapan ikan dan penggunaan bot perikanan berenjin sangkut dalam operasi menangkap ikan.

Selain dari sebab di atas, peningkatan ini juga disebabkan penguatkuasaan dan peraturan perikanan yang telah dilaksanakan oleh pihak pentadbiran. Penguatkuasaan ini menghendaki setiap nelayan menjual segala hasil perikanan yang didaratkan di pasar ikan atau kepada pedagang yang berlesen sahaja. Dengan adanya penguatkuasaan ini, beberapa rondaan dan pemeriksaan secara mengejut telah dilakukan di kawasan-kawasan menangkap ikan bagi mengelakkan penjualan ikan ke tempat-tempat lain (*Brunei Annual Report*, 1956: 58).

Sementara itu, pembinaan sebuah pasar ikan baharu di tengah-tengah bandar Brunei pada tahun 1952 juga menyumbang kepada peningkatan pemasaran hasil perikanan dalam bentuk segar (*Pelita Brunei*, 1967, Okt 25: 5). Pembinaan pasar ikan yang mengantikan bangku-bangku sementara menjual ikan di tebing sungai yang telah digunakan sebelum Pendudukan Jepun telah memudahkan penjual ikan dan penduduk

untuk menjual dan membeli sumber perikanan dalam bentuk segar. Selain menjalankan aktiviti pemasaran sumber perikanan, pasar ikan juga menjadi pusat penghantaran hasil perikanan. Hasil perikanan yang dihantar oleh para nelayan, bukan hanya untuk dijual di pasar tersebut, tetapi juga dihantar dengan menggunakan jalan darat ke kawasan pembinaan, perladangan getah dan pembalakan.

Peningkatan jumlah pemasaran hasil perikanan dalam bentuk segar ini juga disebabkan adanya air batu yang boleh mengekalkan kesegaran sumber perikanan yang dipasarkan. Penggunaan air batu dalam penyimpanan hasil perikanan yang dipasarkan bermula pada tahun 1953 apabila permohonan seorang pemodal Cina untuk menggunakan sebuah alat menghasilkan air batu diluluskan (BA/1983.1.0888-BRO/652/53, 1953). Walaupun alat ini bersaiz kecil dan hanya mampu menghasilkan sebanyak 600 paun air batu sehari, namun ia memberikan perkembangan baru dalam proses penyimpanan dan pemasaran sumber perikanan pada tempoh ini. Pada tahun berikutnya, penggunaan air batu semakin meluas apabila sebuah syarikat air batu Brunei Ice and Aerated Water Company Limited⁹ telah dibuka di bandar Brunei bersebelahan dengan pasar ikan (BA/1983.1.0620-SUK/609/52/TEMP-BOX56, 1952). Kedudukannya bersebelahan dengan pasar ikan, memudahkan para pemodal ikan untuk mendapatkan bekalan air batu bagi kegunaan penyimpanan hasil perikanan yang mereka pasarkan. Selain itu, penggunaan air batu ini juga membolehkan permintaan sumber perikanan daripada orang ramai dapat dipenuhi setiap hari kerana sumber perikanan yang tidak habis dijual dapat dijual lagi pada keesokan harinya (*Brunei Annual Report*, 1956: 58).


⁹ Syarikat ini dikenali sebagai kedai ‘snowman’ oleh orang Brunei.

Walaupun perkembangan pesat perusahaan perikanan terutama dari segi penggunaan teknologi moden dapat meningkatkan hasil tangkapan dari setahun ke setahun, namun ia tidak dapat menampung sepenuhnya permintaan sumber perikanan. Berbeza dengan pengimportan sumber perikanan pada tempoh sebelum ini, sumber perikanan yang diimport pada tempoh ini bukan hanya dalam bentuk yang diproses sahaja, tetapi juga dalam bentuk segar. Ini menunjukkan berlakunya pertambahan permintaan dari segi bentuk sumber perikanan yang diperlukan pada tempoh ini, dari hanya dalam bentuk yang diproses kepada dua bentuk iaitu sumber perikanan dalam bentuk segar dan yang diproses.

Pertambahan dari segi bentuk segar sumber perikanan import pada tempoh ini, disebabkan oleh pertambahan tenaga buruh yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti pembinaan beberapa infrastruktur di kawasan bandar Brunei yang rata-rata memerlukan kepada sumber perikanan dalam bentuk segar. Keadaan ini memperlihatkan bahawa faktor urbanisasi juga memainkan peranan dalam mempengaruhi perubahan bentuk permintaan sumber perikanan. Untuk memenuhi permintaan ini, Brunei telah mengimport bekalan sumber perikanan dalam bentuk segar dari negeri-negeri jiran terutama Borneo Utara (Sabah) yang pada masa itu telah mengeksport sumber perikanan dalam bentuk segar ke luar negeri (Mohammad Raduan, 2006: 189). Sebagai langkah percubaan sebanyak dua pikul sumber perikanan yang bernilai \$55 telah berjaya diimport pada tahun 1949. Berikutan kejayaan tersebut, Brunei telah mengimport sumber perikanan dalam bentuk segar sebanyak 2,051 pikul dengan nilai \$117,449 pada tahun 1950. Pada tahun berikutannya, kuantiti import sumber perikanan dalam bentuk segar telah meningkat dengan drastik kepada 8,146 pikul yang bernilai \$408,684. Selepas dari tahun tersebut hingga ke penghujung tempoh ini, kuantiti sumber perikanan dalam bentuk segar yang diimport mula mengalami keadaan turun naik. Walaupun kuantiti import

sumber perikanan dalam bentuk segar meningkat dengan drastik sebanyak 5,435 pikul pada tahun 1957, namun ia masih belum dapat mengatasi kuantiti import tertinggi pada tahun 1951 (lihat Rajah 4.10). Pelbagai spesies sumber perikanan dalam bentuk segar yang diimport antaranya *rumahan laki* (*rastrelliger kanagurta*), *rumahan bini* (*rastrelliger brachysoma*), tamban (*sardinella sp.*), yu (*charcharinidae*), aur-aur (*sardinella gibbosa*), basong-basong (*deapterus maruadsi*), Temanong (*selar spp.*) dan sebagainya.

Permintaan dalam bentuk yang diproses pula dipengaruhi oleh perkembangan pesat ekonomi daratan terutama dari sektor perlombongan, perladangan dan pembalakan di kawasan yang jauh dari bandar telah menarik ramai tenaga buruh asing untuk bekerja di sektor-sektor ini. Kedatangan ramai tenaga buruh asing ini telah meningkatkan permintaan sumber perikanan dalam bentuk yang berproses berdasarkan produk ikan kering yang menjadi sumber makanan dan protein utama mereka. Disebabkan golongan pemodal Cina lebih memberi tumpuan kepada aktiviti pengeluaran sumber perikanan dalam bentuk segar, tiada sebarang usaha dilakukan oleh golongan pemodal Cina untuk membangun atau mengembangkan semula kilang-kilang proses pengeringan (*drying depot*) yang lumpuh semasa zaman Pendudukan Jepun. Aktiviti mengeringkan sumber perikanan hanya diusahakan secara kecil-kecilan oleh penduduk Kampong Ayer untuk memenuhi keperluan harian mereka. Keadaan ini bukan sahaja menyebabkan aktiviti pengeksportan produk ikan masin, ikan kering dan udang kering yang berjaya dilakukan pada zaman Pentadbiran Residen British I lumpuh, tetapi juga peningkatan permintaan produk ikan kering daripada tenaga buruh asing pada zaman Pentadbiran Residen British II tidak dapat dipenuhi.




Rajah 4.10: Kuantiti dan Nilai Import Sumber Perikanan dalam Bentuk Segar

Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.

Dengan ini kebergantungan Brunei terhadap bekalan import produk sumber perikanan yang dikeringkan dari spesies belanak (*mugil spp.*), duai (*stromatesu cigereus*), merah (*lutianue sanguiners*), kurau (*polyemus indicus*), sulungsung (*psammoppperca lates*), putih (*caranx ingbilis*) dan senangin (*eleuhernema tet.*) (Ismail Ali, 2007: 38-39) semenjak daripada pertengahan zaman Pentadbiran Residen British I berterusan sehingga ke zaman Pentadbiran Residen British II. Walaupun pada awal tempoh ini Brunei hanya mengimport produk sumber perikanan yang dikeringkan sebanyak 176 pikul yang bernilai \$13,445, namun dua tahun kemudian kuantiti import produk ini telah mencapai 1,068 pikul dengan nilai \$38,692. Pada tahun berikutnya, kuantiti ini terus meningkat kepada 1,749 pikul bernilai \$55,109 mengatasi kuantiti tertinggi import sumber perikanan yang dikeringkan pada zaman Pentadbiran Residen British I yang berjumlah 1,147 pikul. Selepas dari tahun tersebut, kuantiti import produk sumber perikanan yang dikeringkan pada zaman Pentadbiran Residen British II sentiasa mengatasi kuantiti import pada tempoh sebelum ini. Kuantiti import tertinggi produk sumber perikanan yang dikeringkan pada tempoh ini dicatatkan pada tahun 1955 iaitu sebanyak 3,837 pikul yang bernilai \$651,315 (lihat Rajah 4.11). Ini menunjukkan penumpuan golongan pemodal Cina terhadap pemasaran hasil perikanan dalam bentuk segar dan kelumpuhan kilang-kilang proses pengeringan (*drying depot*) sumber perikanan telah meningkatkan kuantiti import produk sumber perikanan yang dikeringkan.

Dari penjelasan di atas memperlihatkan bahawa perkembangan pesat ekonomi daratan secara langsung telah menambahkan bilangan tenaga buruh yang sekali gus telah meningkatkan permintaan sumber perikanan dalam bentuk segar dan dalam bentuk yang diproses. Walaupun perusahaan perikanan telah mengalami banyak perubahan terutama dari segi penggunaan teknologi moden, namun hasil tangkapan yang didaratkan masih belum dapat menampung sepenuhnya permintaan sumber perikanan



Rajah 4.11: Kuantiti dan Nilai Import Sumber Perikanan yang Dikeringkan

Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.

sehingga menyebabkan Brunei terus bergantung kepada sumber perikanan dari luar negara. Ini menunjukkan pertambahan bilangan tenaga buruh yang terlibat dalam sektor-sektor ekonomi daratan pada zaman Pentadbiran Residen British II ini telah menyebabkan Brunei terus bergantung kepada sumber perikanan dari negara luar.

4.12 Kesimpulan

Dengan menggunakan kekuatan tentera, pihak Jepun telah berjaya menduduki Brunei pada penghujung tahun 1941. Kejayaan Jepun menduduki Brunei telah merubah sekali lagi sistem pentadbiran, daripada sistem pentadbiran koloni yang diketuai oleh Residen British kepada sistem pentadbiran tentera yang diketuai oleh seorang Gabenor Jepun. Suasana peperangan yang berpanjangan pada ketika itu, telah menyebabkan pentadbiran Jepun lebih menumpukan soal ketenteraan dan pertahanan berbanding pembangunan ekonomi dan sosial. Ekonomi kapitalis yang diperkenalkan oleh Pentadbiran Residen British I telah diganti dengan sistem ekonomi tertutup yang dirancang, dipaksa dan dikawal oleh pentadbiran pusat Jepun. Ini telah memberi impak yang negatif terhadap perkembangan perusahaan perikanan di Brunei.

Keadaan dalam tempoh masa 1941 sehingga 1945 merupakan zaman kemunduran perusahaan perikanan yang berpunca dari suasana peperangan dan kemasuhan sebahagian besar teknologi penangkapan ikan. Perusahaan perikanan yang mula meningkat naik pada zaman Pentadbiran Residen British I telah terjejas dan mengalami kelumpuhan. Hal ini disebabkan dasar pentadbiran Jepun yang tidak mengambil sebarang perhatian atau usaha membangunkan perusahaan perikanan. Selain dari dasar pentadbiran, ketiadaan golongan pemodal Cina yang telah melarikan diri akibat peperangan juga mempengaruhi kepada kemunduran dan kelumpuhan perusahaan perikanan. Para nelayan kehilangan punca kredit untuk mendapatkan dan memperbaiki

teknologi perikanan; tiada tempat untuk memasarkan hasil pendaratan; dan aktiviti pengeringan dan pemasinan sumber perikanan yang sebelum ini dikuasai dan diusahakan oleh golongan pemodal Cina tidak dapat beroperasi.

Apa yang jelas, pada peringkat awal pendudukan Jepun, aktiviti menangkap ikan hanya menggunakan saki baki teknologi penangkapan ikan yang masih boleh digunakan. Objektif aktiviti menangkap ikan hanya untuk memenuhi keperluan sumber protein tentera Jepun dan keperluan harian penduduk. Dengan ini, suasana peperangan secara tidak langsung telah merubah objektif dan bentuk sumber perikanan yang diperlukan. Permintaan sumber perikanan tidak lagi tertumpu kepada ikan masin, ikan kering dan udang kering untuk keperluan sumber protein tenaga buruh dan pasaran eksport tetapi bertukar kepada sumber perikanan dalam bentuk segar untuk keperluan sumber protein tentera Jepun dan keperluan harian penduduk sahaja.

Manakala pada peringkat akhir pendudukan Jepun, perusahaan perikanan semakin terjejas teruk. Aktiviti menangkap ikan tidak dapat dijalankan akibat kerosakan dan kemusnahan teknologi penangkapan ikan disebabkan kesulitan mendapatkan alat ganti dan serangan bom oleh Tentera Bersekutu bagi menawan semula Brunei. Aktiviti menangkap ikan hanya dilakukan oleh sebahagian kecil nelayan di kawasan berhampiran pantai untuk keperluan sara diri. Kemusnahan teknologi penangkapan ikan dan serangan bertali arus Tentera Bersekutu telah menyebabkan perusahaan perikanan berubah menjadi ekonomi sara diri. Kepentingan perusahaan perikanan sebagai pembekal sumber protein dan komoditi eksport telah terhenti semasa pendudukan Jepun. Oleh yang demikian, pendudukan Jepun antara tahun 1941 hingga 1945 merupakan titik hitam dalam sejarah perkembangan perusahaan perikanan di Brunei.

Kemunduran yang menyelubungi perusahaan perikanan berakhir apabila Tentera Bersekutu berjaya menawan semula Brunei pada pertengahan tahun 1945. Dengan kejayaan ini, Brunei telah ditadbir sementara oleh BMA bagi memulihkan semula keamanan dan ketenteraman awam, membaik pulih kerosakan, menyusun semula pentadbiran dan undang-undang, memberi bantuan kepada mangsa pererangan dan membasmi penyakit. Selepas lebih kurang satu tahun dan atas desakan penduduk tempatan, BMA telah menyerahkan semula pentadbiran kepada kerajaan British. Dengan penyerahan ini, sekali lagi Brunei mengalami perubahan corak pemerintahan apabila Pentadbiran Residen British yang terhenti semasa pendudukan Jepun dapat disambung semula.

Berbeza dengan dasar dan corak yang dilaksanakan sebelum ini, dasar Pentadbiran Residen British II memain peranan penting dalam kemajuan perusahaan perikanan. Ini jelas apabila Pentadbiran Residen British II telah mula memberi perhatian dan melibatkan diri secara langsung dalam merancang, menyediakan peruntukan, menerapkan teknologi dan bentuk-bentuk campur tangan lain dalam perkembangan dan pembangunan perusahaan perikanan. Selain untuk menggalakkan kepercayaan penduduk tempatan terhadap Pentadbiran Residen British II selepas pendudukan Jepun, penglibatan Pentadbiran Residen British II dalam perusahaan perikanan juga adalah bagi meningkatkan hasil pendaratan sumber perikanan bagi memenuhi peningkatan permintaan sumber perikanan. Perkembangan pesat ekonomi perlombongan, pertanian dan perhutanan telah menambahkan bilangan penduduk yang sekali gus meningkatkan permintaan makanan termasuk sumber perikanan.

Penglibatan Pentadbiran Residen British II bagi mengimbangi perkembangan pesat ekonomi yang telah menambahkan bilangan penduduk telah dapat memulihkan

perusahaan perikanan yang terjejas semasa pendudukan Jepun. Penubuhan Jabatan Perikanan gabungan antara Brunei dan Sarawak sangat signifikan dalam proses pembangunan perusahaan perikanan yang dilaksanakan ketika itu. Melalui jabatan ini, berbagai-bagai langkah untuk memajukan dan memodenkan perusahaan perikanan dapat dilaksanakan antaranya memperkenalkaan bahan binaan teknologi penangkapan ikan keluaran kilang dan penggunaan enjin sangkut dalam operasi menangkap ikan.

Bagaimanapun, peranan yang dimainkan oleh Pentadbiran Residen British II hanya terbatas kepada mempromosi dan memperkenalkan bahan binaan keluaran kilang dan enjin sangkut kepada nelayan sahaja. Keadaan ini sekali lagi membuka ruang kepada golongan pemodal Cina untuk mengaut keuntungan daripada perusahaan perikanan seperti yang berlaku pada zaman Pentadbiran Residen British I. Dalam hal ini, Pentadbiran Residen British II seolah-olah berganding bahu bersama golongan pemodal Cina dalam menjayakan pembangunan perusahaan perikanan ketika itu. Penglibatan golongan pemodal Cina dalam perusahaan perikanan telah membolehkan ‘sistem tauke’ yang diamalkan pada zaman sebelum ini dihidupkan semula. Melalui ‘sistem tauke’, golongan pemodal Cina telah dapat menguasai dan memonopoli perusahaan perikanan dari peringkat pengeluaran hingga ke peringkat pemasaran.

Dengan penglibatan secara langsung pihak pentadbiran dan penguasaan golongan pemodal Cina, perusahaan perikanan telah mengalami perubahan dan perkembangan pesat yang sekali gus dapat meningkatkan jumlah hasil perikanan yang didaratkan. Perkembangan pesat perusahaan perikanan bukan hanya terserah dari jenis teknologi perikanan yang digunakan seperti bahan binaan keluaran kilang dan enjin sangkut, tetapi juga dari segi penyimpanan hasil tangkapan dengan air batu dan sistem pengangkutan darat pemasaran sumber perikanan. Hasil tangkapan yang didaratkan telah

dapat dibekalkan kepada penduduk kawasan bandar dan kawasan yang boleh didatangi oleh pengangkutan darat dalam bentuk segar. Bagaimanapun, keadaan ini telah memberi kesan kepada kilang-kilang proses pengeringan (*drying depot*) sumber perikanan yang sebelum ini menjadi salah satu aktiviti terpenting dalam perusahaan perikanan. Golongan pemodal Cina hanya memberi tumpuan kepada pengeluaran hasil perikanan dalam bentuk segar dan tiada sebarang usaha untuk membangunkan kembali kilang-kilang proses pengeringan tersebut. Dengan yang demikian, pengeluaran hasil perikanan pada zaman Pentadbiran Residen II telah berubah daripada hasil perikanan berasaskan garam seperti ikan masin, ikan kering dan udang kering kepada hasil perikanan dalam bentuk segar yang disimpan dengan air batu.

Bagaimanapun, perkembangan pesat perusahaan perikanan ini tidak selari dengan pertambahan bilangan penduduk ketika itu. Hasil sumber perikanan yang didaratkan masih belum dapat memenuhi permintaan sumber perikanan. Keadaan ini telah menyebabkan Brunei terpaksa mengimport sumber perikanan dalam bentuk segar dari negeri-negeri jiran terutama dari daerah-daerah di Sarawak dan Borneo Utara (Sabah). Di samping itu, disebabkan ketiadaan kilang proses pengeringan sumber perikanan, Brunei juga mengimport dalam kuantiti yang banyak sumber perikanan yang dikeringkan bagi memenuhi permintaan daripada tenaga buruh di sektor perlombongan, perladangan dan pembalakan yang jauh dari kawasan bandar.

Dengan ini menunjukkan bahawa pada zaman Pentadbiran Residen British II, kebergantungan Brunei kepada bekalan import sumber perikanan semakin bertambah. Pada zaman Pentadbiran Residen I Brunei hanya mengimport sumber perikanan dalam bentuk kering tetapi pada zaman Pentadbiran Residen British II, Brunei telah mengimport sumber perikanan dalam bentuk segar dan kering. Ini memperlihatkan bahawa

perkembangan pesat ekonomi dan pertambahan penduduk telah meningkatkan jumlah permintaan dan pengimportan sumber perikanan dari negeri-negeri jiran. Oleh itu, perkembangan pesat perusahaan perikanan pada zaman Pentadbiran Residen British II, bukanlah perkembangan dalam erti kata yang sebenar kerana masih belum dapat mencapai objektif untuk memenuhi peningkatan sumber perikanan.